

Bil. 29

**Isnin
14 Julai 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH

- Y.B. Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
Y.B. Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor) (Ruangan 1)

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU (Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Perutusan Daripada Dewan Negara (Ruangan 1)
Memperkenankan Akta-Akta (Ruangan 2)
Cuti Kepada Ahli - Kebenaran
- Y.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud
(Kota Samarahan) (Ruangan 3)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN (Ruangan 3)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

- Masalah Keganasan Rumah Tangga - Reaksi Polis
- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong) (Ruangan 17)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 20)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997 (Ruangan 20)
Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 (Ruangan 36)

USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat (Ruangan 53)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- Reformasi Perjalanan Dewan Rakyat
- Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau) (Ruangan 54)
Banjir Di Pekan Salak Selatan dan Batu 4 1/2
Jalan Kelang Lama.
- Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) (Ruangan 57)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)

Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henryus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

Yang Berhormat Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

Yang Berhormat Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- ” Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 14 Julai 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Tuan. M. Kulasegaran (Teluk Intan)
2. Y.B. Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“5 Jun 1997

**Perutusan Daripada Dewan Negara
Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997;
2. Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 1997;
3. Rang Undang-undang Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997;
4. Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) 1997;

5. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran) 1997;
6. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran) 1997;
7. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997;
8. Rang Undang-undang Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997;
9. Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional Berhad 1997;
10. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997;
11. Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997;
12. Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997;
13. Rang Undang-undang Teleperubatan 1997;
14. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997;
15. Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997;
16. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal Ehwal Islam) 1997;
17. Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997;
18. Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997;
19. Rang Undang-undang Tafsiran (Pindaan) 1997;
20. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997;
21. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997;
22. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997;
23. Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1997; dan
24. Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1997.

Yang ikhlas,

tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Negara”

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam persidangan yang lalu.

Untuk memendekkan masa, saya mengumumkan bahawa senarai undang-undang yang telah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu ialah seperti yang telah dibaca oleh Setiausaha tadi.

CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN
Y.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud
[Kota Samarahan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud, Ahli bagi kawasan Kota Samarahan dari 14 Julai 1997 hingga 31 Julai, 1997.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH - PERATUS
KEJAYAAN SETIAP NEGERI

1. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Perdana Menteri menjelaskan berapa peratuskah kejayaan pelaksanaan peruntukan RMK-7 bagi tiap-tiap negeri sehingga kini. Apakah sebabnya banyak projek tersebut tidak dapat dilaksanakan. Adakah kerana jumlah projek yang banyak yang memerlukan ringkasan projek (project brief) dari kementerian berkenaan atau masalah tapak projek yang belum diselesaikan di peringkat negeri dan Persekutuan yang menjadi masalah utama atau ada masalah lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tersebut, saya rasa lebih sesuai menyebutkan di sini kedudukan pencapaian pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) bagi seluruh negara, manakala maklumat terperinci mengenai prestasi pelaksanaan mengikut negeri dibekalkan secara berasingan kepada Yang Berhormat sebagai maklumat tambahan. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada projek-projek pembangunan di bawah RMK-7 tidak diidentifikasi mengikut negeri tetapi disenaraikan di bawah Program/Projek Pelbagai Negeri, antaranya, termasuk Projek Lebuhraya/Jalan Raya di bawah Kementerian Kerja Raya, Projek Pembekalan Perolehan di bawah beberapa buah kementerian seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan dan projek-projek yang disenaraikan sebagai program di mana tidak praktikal untuk dipecah-pecahkan mengikut negeri seperti program latihan, program bantuan di bawah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan sebagainya.

Dari segi prestasi kewangan, setakat ini sebanyak RM19.818 bilion telah dibelanjakan. Ini adalah bersamaan 29% dari siling RMK-7 yang berjumlah sebanyak RM68.291 bilion. Prestasi ini menunjukkan suatu pencapaian yang baik oleh kerana walaupun kita belum lagi menghabiskan suku dari tempoh RMK-7, tetapi kita telah mencapai dari segi prestasi kewangan. Perbelanjaan melebihi 1/4 dari siling RMK-7.

Berasaskan prestasi ini, kita menjangka akan dapat mencapai prestasi melebihi 95% bagi RMK-7. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6), kita berjaya mencapai prestasi kewangan sebanyak 93.7% dari peruntukan siling yang disediakan sebanyak RM58.5 bilion.

Pencapaian fizikal pula menunjukkan dari sejumlah 12,823 projek yang diluluskan di bawah RMK-7 sebanyak 1,892 buah projek iaitu bersamaan 14.8% telah disiapkan dalam tempoh 15 bulan pertama RMK-7 dan sejumlah 6,570 buah projek lagi iaitu bersamaan dengan 51.3% berada di pelbagai tahap pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut pula hanya 4.4% atau bersamaan dengan 559 buah projek sahaja yang

tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Walaupun kita masih mempunyai baki tempoh pelaksanaan RMK-7 selama 3 tahun 6 bulan lagi, bilangan projek yang belum dimulakan hanyalah sebanyak 4,361 buah projek sahaja iaitu bersamaan dengan 34%.

Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan daripada projek-projek yang belum dilaksanakan itu memang dirancang bermula pelaksanaannya sepanjang tempoh RMK-7 iaitu ada yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 1996, 1997, 1998 dan seterusnya. Jadi adalah kurang tepat anggapan Yang Berhormat bahawa terdapat banyak projek yang tidak dapat dilaksanakan.

Masalah yang dihadapi oleh 4.4% projek yang terlewat jadual seperti mana disebutkan tadi adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang menjejaskan kelicinan pelaksanaannya. Antara masalah-masalah yang dikenalpasti ialah masalah kesesuaian tapak, masalah setinggian, perubahan tapak projek, perubahan skop projek, masalah kontraktor lembab, pelaksanaan projek yang jauh di pedalaman, kekurangan pekerja terutamanya pekerja mahir dan kekurangan bahan binaan seperti simen di setengah kawasan dan sebagainya. Tidak kurang juga disebabkan oleh kekurangan jurutera dan kakitangan teknikal di Jabatan Kerja Raya oleh kerana tarikan bekerja di sektor swasta.

Segala masalah pelaksanaan yang berbangkit adalah ditangani melalui jentera penyelarasan dan pengawasan projek di peringkat pusat, negeri dan daerah seperti mana ditetapkan di bawah Arahan No.1 tahun 1996 Jentera Penyelarasan/Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional.

INDEKS HARGA RUMAH - PELAKSANAAN

2. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan yang telah dicapai setelah pelaksanaan indeks harga rumah bagi mengawal harga rumah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:
Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menerbitkan Indeks Harga Rumah Malaysia ataupun yang dipanggil IHRM untuk memperkenalkan kepada orang awam, pemaju, pelabur, pembeli-pembeli rumah mengenai dengan aliran harga rumah sepanjang 10 tahun kebelakangan. Indeks tersebut adalah satu pengukur harga rumah dengan mengambil kira perkara-perkara yang mempengaruhinya.

Adalah diperhatikan bahawa IHRM menunjukkan kenaikan harga rumah yang amat ketara daripada tahun 1994 hingga tahun 1996. Misalnya indeks tersebut telah meningkat dari 159.3 pada tahun 1994 kepada 212.8 pada tahun 1996. Peningkatan setiap tahun adalah 18.3% pada tahun 1995 dan 12.9% pada tahun 1996. Walaupun kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan khas untuk menyekat atau mengawal harga rumah yang berasaskan kepada IHRM semata-mata tetapi dengan penerbitannya sudah tentulah pihak-pihak yang terlibat dapat memahami serta menggunakan maklumat-maklumat yang terdapat di dalamnya. Daripada statistik pindahmilik sehingga bulan April, 1997 didapati secara amnya kenaikan harga rumah adalah stabil di kebanyakan negeri. Kenaikan-kenaikan harga rumah yang tinggi telah juga diambil kira oleh Bank Negara dan bank tersebut telah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua institusi-institusi kewangan untuk mengawal pinjaman kepada rumah-rumah kediaman yang berharga lebih daripada RM150,000. Kemungkinan besar tindakan-tindakan seperti ini akan memberi kesan yang ketara dalam usaha-usaha mengawal harga rumah di seluruh negara.

Saya ingin menekankan di sini bahawa IHRM dengan sendirinya tidak boleh mengawal harga rumah. Akan tetapi ianya boleh digunakan sebagai pengukur dan asas untuk tindakan-tindakan seterusnya.

Sehingga sekarang Kerajaan Pusat belum lagi mempunyai dasar untuk menetapkan harga rumah ataupun mengawalinya kecuali harga rumah murah.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu negeri manakah yang mempunyai indeks tertinggi harga rumah dan jumlah rumah yang berkaitan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari masa ataupun tempoh yang saya sebut tadi 1994 hingga 1996, wilayah yang menunjukkan kenaikan yang paling tinggi ialah Lembah Kelang iaitu Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan di sekitarnya yang pada masa ini menunjukkan kenaikan sebanyak 15.7% diikuti dengan Johor Bahru 14.3% dan Pulau Pinang 4.4%. Di kawasan-kawasan lain seperti mana yang saya katakan tadi adalah stabil dan di antara jenis-jenis rumah yang paling ketara kenaikannya ialah kenaikan rumah-rumah detach ataupun rumah sebiji (bungalow).

Kedua ialah rumah teres.

Ketiga ialah rumah semi-detach dan di dalam tempoh ini juga didapati bahawa rumah high rise turun harga.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan bahawa harga rumah merupakan satu komponen asset inflation yang menjadi satu perkara atau satu ingredient yang amat dirisaukan oleh pelabur-pelabur asing luar sehingga terdapat tekanan ke atas nilai mata wang ringgit dan juga ke atas BSKL, apakah langkah-langkah yang pihak kementerian akan ambil untuk memastikan bahawa kenaikan harga rumah bukanlah disebabkan oleh perkara-perkara luaran iaitu sebagai satu contoh, satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden FOMCA, Profesor Hamdan Adnan bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada kenaikan harga rumah disebabkan oleh amalan rasuah di pejabat tanah ataupun dalam proses pentadbiran kerajaan. Adakah pihak kerajaan mengenal pasti atau memperakukan tentang masalah ini dan kalau ia, kerana ia adalah satu masalah besar apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan supaya kenaikan harga rumah bukan disebabkan semata-mata oleh amalan rasuah yang berleluasa sekarang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka seperti mana yang dipercakapkan oleh Profesor Hamdan, saya pun belum melihat lagi. Kalau komponen 30% adalah disebabkan oleh rasuah, maka ini adalah menjadi satu masalah yang besar dan ini satu masalah luaran yang besar, saya harap mendapat kertas kerja yang ditunjukkan itu dan dalam analysis of variantnya boleh kita lihat berapa percent, kalau 30% maka saya mengaku ianya adalah satu perkara yang cukup serius dalam hakikat ini.

Kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan yang tertentu di dalam mengawal faktor luaran seperti mana yang kita wujudkan levi untuk orang-orang Singapura membeli rumah di bawah sekian-sekian harga. Di dalam hal rasuah jikalau ianya betul menjadi faktor luaran kepada peningkatan harga rumah, kerajaan pasti sekali seperti mana Yang Berhormat sedia maklum pada masa sekarang kerajaan sedang mengambil ataupun mempertimbangkan cara-cara yang drastik untuk membasmi rasuah di semua peringkat.

Jadi, mengenai dengan asset inflation ini, ingin saya nyatakan di sini kenaikan harga rumah-rumah yang saya sebutkan tadi menunjukkan bahawa di dalam pertembungan permintaan dan pembekalan, maksudnya permintaan masih lagi tinggi dan ianya tidak membimbangkan. Yang kita bimbang ialah soal peningkatan ruang-ruang niaga (office space) yang disebut dahulu. Ini yang menjadi masalah. Dengan kenaikan harga rumah ini menunjukkan permintaan, jadi ada peluang untuk kita membina lagi, tetapi persoalannya indeks ini memberi guide line kepada pembeli, pelabur dan juga pemaju rumah. Jadi, apa yang saya sebut di dalam akhbar dahulu mengenai dengan bahaya ialah kemungkinan kita menemui glut di dalam office

space dan ianya akan menjadi apa yang berlaku di negara jiran seperti Thailand dan ini akan membawa kepada keruntuhan bank, kepada institusi kewangan negara dan seterusnya kepada ekonomi negara. Tetapi dalam keadaan ini saya fikir perlu lagi ada ruang untuk membangunkan rumah-rumah khususnya rumah murah dan juga rumah-rumah yang saya sebut tadi, yang mempunyai permintaan yang masih banyak dari kalangan pasaran dalaman bukan pasaran luaran.

PERKHIDMATAN FERI ANTARA LABUAN DAN MENUMBOK - MENINGKATKAN

3. **Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai usaha meningkatkan perkhidmatan feri laluan antara daerah kecil Menumbok dengan Persekutuan Labuan yang kini diusahakan oleh pihak swasta adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meningkatkan perkhidmatan yang ada sekarang sesuai dengan status Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang disifatkan tidak selesa untuk pengangkutan penumpang, kerana bercampur aduk dengan pengangkutan kenderaan berat dan kargo.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan feri di antara Labuan dan Menumbok adalah perkhidmatan yang disediakan oleh pihak swasta, yang menepati dasar menggalakkan inisiatif pihak swasta.

Kerajaan cuma menyediakan terminal untuk pendaratan feri-feri ini dan juga untuk memastikan keselamatan penumpang dan feri. Feri-feri yang memberikan perkhidmatan di laluan ini adalah didapati selamat untuk membawa penumpang dan kenderaan.

Sejajar dengan dasar tersebut, kerajaan sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak yang berminat untuk menceburkan diri di dalam memberikan perkhidmatan feri mengangkut kenderaan dan feri penumpang yang lebih baik dan selesa di samping menggesa pengusaha-pengusaha yang sedia ada untuk meningkatkan perkhidmatan feri masing-masing. Dengan ini adalah diharapkan perkhidmatan yang diberi akan ditingkatkan di masa yang akan datang.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pengalaman yang ada sekarang ini bahawa perkhidmatan feri ini tidak begitu efisien, yang pertama, ia mengambil masa lebih kurang 3 jam untuk sampai ke destinasi di sebelah tanah besar dan ia cuma lebih kurang 2 kali sehari sahaja. Ini disebabkan oleh keadaan feri yang lambat dan juga keadaan laut yang cetek. Soalan saya apakah melalui pengalaman ini, kerajaan tidak bercadang untuk membina satu jambatan daripada Labuan ke tanah besar dan menutup perkhidmatan feri itu nanti?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Yang Berhormat, belum ada cadangan lagi untuk membina jambatan yang dimaksudkan.

Berkaitan dengan perjalanan, mengikut rekod kita, bagi feri row adalah 2 jam manakala bot berlesen iaitu penumpang 30 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya saya hendak tolong orang di situ sahaja....

Beberapa Ahli: Boo! Soalan! Soalan!

Seorang Ahli: Kepong pun masih teruk!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana teruk, tidak ramai yang faham masalah di situ, kerana di situ ada 64,000 orang penduduk sahaja, yang membayar cukai hanya

8,000 [Ketawa] dan adakah pihak kementerian akan mengkaji keadaan supaya kita dapat lebih ramai bukan sahaja pembayar cukai, tetapi orang-orang di sekitarnya di inter land dapat mengunjungi labuan, kerana walaupun ada status yang istimewa, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membeli barang-barang di situ maka kita dapati harganya mahal - free port, tetapi harganya mahal, kerana tidak ramai orang mengunjungi Labuan.

Beberapa Ahli: Soalan! Soalan!

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah tanya soalan, tetapi tidak tahu soalan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu masalah [Ketawa]

Seorang Ahli: Sudah tanya duduklah!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tanya adakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Silakan ya. Yang Berhormat dari Kepong, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw:teruskan ya.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang hendak tanya itu ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tolong mereka kerana kebanyakan bila beri peluang untuk pergi ke Labuan, tidak sanggup pergi.

Seorang Ahli: Tiket tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu masalah dan Yang Berhormat dari Labuan pun tidak begitu hendak melayan kita, [Ketawa] dia asyik meraikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sahaja. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sila bertanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah kementerian

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: sanggup mengkaji semula iaitu bukan sahaja dari segi feri bahkan juga dari segi cara-cara pengangkutan yang lain supaya kita galakkan penduduk-penduduk di sekitarnya bukan sahaja seluruh Sabah dan Sarawak dapat memasuki Labuan untuk meningkatkan taraf Labuan. Walaupun Kabinet sudah banyak membuat keputusan dan setakat ini kalau tidak silap saya pelaburan itu lebih RM1 bilion, tetapi kita tidak nampak hasil sangat. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dia mengatakan ini memang semua baik, 51 bank sudah ada, lebih baik daripada Jersey sekarang

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah! Cukuplah!

Beberapa Ahli: Boo!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu maklumat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Seorang Ahli: Cukuplah!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Seorang Ahli: Tidak payah jawab.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau Yang Berhormat dari Kepong tidak cakap pun memang kerajaan sentiasa memperbaiki sistem perkhidmatan dari masa ke semasa, jadi tidak payah hendak cadang pun kita akan buat.

RASUAH - MEMBANTERAS DAN MEMPERKETATKAN HUKUMAN

4. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk melancarkan perang segenap penjurong terhadap rasuah sama ada dalam segi menambahkan kuasa membanteras rasuah; memperketatkan hukuman terhadap amalan rasuah; membentuk budaya politik anti-rasuah misalnya menggalakkan media menjalankan laporan berbentuk penyiasatan, perkhidmatan awam yang lebih berakauntabel serta dasar pemerolehan dan meletak harga yang lebih berketelusan sama ada kerajaan mahupun oleh agensi-agensi yang diswastakan; ataupun menubuhkan dan/atau memperkuat lagi mekanisma pemerhati anti rasuah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membanteras amalan rasuah di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) meminda undang-undang mencegah rasuah supaya lebih berkesan dan cadangan pindaan tersebut akan dibentangkan dalam Persidangan Parlimen pada kali ini;
- (ii) memperkukuhkan Badan Pencegah Rasuah dengan tambahan kuasa, keanggotaan, logistik, kewangan dan peranan-peranan baru;
- (iii) memperkukuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai keutuhan pengurusan kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri yang mana skop dan peranannya diperluaskan lagi untuk meliputi aspek-aspek rasuah dan integriti; dan
- (iv) mengarah jabatan-jabatan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Integriti, Kualiti dan Produktiviti bagi mewujudkan mekanisme kawalan dalaman di jabatan-jabatan berkenaan. Jawatankuasa ini perlu melaporkan perkembangan kepada Jawatankuasa Kabinet tersebut setiap 3 bulan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dalam pengumuman Yang Berhormat tadi bahawa pindaan kepada Akta Pencegah Rasuah akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini mengandungi peruntukan-peruntukan untuk mengadakan satu presumption bahawa mereka yang memiliki harta benda yang luar biasa tidak sejajar dengan pendapatan mereka dianggap sebagai rasuah dan 'confiscation' dengan izin, ill gotten gain ini, dan adakah dalam usaha dua bulan ini, kita ada lihat bahawa bukan sahaja small fish yang kecil, tetapi si besar pun dalam siasatan dan akan ditangkap oleh kerana rasuah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Berhormat dari Tanjong bersabarlah dan kita tungguh apabila rang undang-undang ini dibentangkan.

Soalan yang kedua sama ada 'jerung'kah atau 'bilis'kah, Yang Berhormat sedia maklum dalam laporan akhbar telah dilaporkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sesiapa sahaja boleh membuat laporan kepada BPR termasuk ada setengah yang membuat secara surat layang. Bagi memastikan keadilan, misalnya saya beri contoh Yang Berhormat dari Tanjong membuat laporan ke atas anak Yang Berhormat Menteri

Pengangkutan, kalau kenyataan atau laporan itu benar, pihak BPR boleh siasat. Tetapi apa yang saya hendak tahu apakah jaminan yang boleh diberikan oleh kerajaan terhadap mereka yang membuat laporan dan kemudian laporan itu didapati palsu, apakah mekanisme yang ada pada kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat laporan jika laporan itu adalah palsu? Kerana kita mesti balance. Dalam konteks ini kita mesti balance di antara kedua-dua pihak, yang korup kita tidak mempertahankan, kita sokong, tetapi kita tidak mahu sewenang-wenang laporan dibuat untuk menganiayai mana-mana pihak. Jadi, saya ingin tahu apakah jaminan dalam bidang undang-undang yang akan dibentangkan ini, memberi jaminan bahawa tindakan tegas juga akan dikenakan ke atas mereka yang membuat laporan jika didapati laporan itu adalah palsu. [Tepuk]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, soalan ini adalah satu cara atau jalan tidak langsung untuk mendapat tahu lebih awal apa yang akan dibentangkan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam rang undang-undang ini, jadi saya minta supaya Yang Berhormat dari Machang turut bersabar dan kena tunggulah pada tarikh pembentangan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah perkara ini telah pun ada dalam Penal Code, sekiranya seseorang membuat suatu laporan palsu, hendak menganiayai orang lain, maka tindakan boleh diambil ke atas orang itu.

TV - SIARAN PEMANCARAN DI LEMBAH KELANG

5. **Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada kementerian telah mengambil apa-apa tindakan untuk memastikan penonton TV mendapat siaran pemancaran yang terang (clear transmission) memandangkan beberapa kawasan di Lembah Kelang masih tidak mendapat pemancaran dan signal penerimaan TV3 yang memuaskan berbanding pemancaran RTM dan MetroVision.

Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akui ada perbezaan mutu signal atau transmission yang diterima oleh penonton-penonton TV di Lembah Kelang bagi perkhidmatan RTM dan MetroVision berbanding dengan perkhidmatan TV3. Ada tiga sebab mengapa perkhidmatan RTM dan MetroVision lebih baik daripada TV3. Pertama, transmitter RTM dan MetroVision adalah baru, sementara transmitter TV3 adalah lama, jadi sebab itu mutu siaran RTM dan MetroVision lebih jelas berbanding dengan perkhidmatan TV3. Namun begitu TV3 sedang mengambil langkah mengganti transmitter lamanya dengan yang baru agar mutu perkhidmatan di Lembah Kelang seimbang dengan perkhidmatan TV1, TV2 dan MetroVision.

Keduanya, penempatan transmitter bagi ketiga-tiga perkhidmatan TV di Lembah Kelang adalah berbeza-beza tempatnya. TV1 dan TV2 menempatkan transmitternya di Menara Kuala Lumpur, MetroVision di Ulu Kali dan TV3 di Bukit Besi, Kuala Lumpur. Disebabkan itu ada perbezaan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh TV1 dan TV2 dengan mutu perkhidmatan MetroVision dan TV3.

Perkhidmatan yang seimbang hanya boleh dicapai andai kata semua transmitter bagi semua stesen di Lembah Kelang dapat dipasang di tempat yang sama. Usaha-usaha sedang dilakukan untuk menganjurkan kepada pihak MetroVision dan TV3 agar menempatkan transmitter mereka di tempat yang sama iaitu di Menara Kuala Lumpur.

Ketiganya, kepesatan pembangunan di Lembah Kelang khususnya pembinaan bangunan pencakar langit yang tinggi telah mewujudkan kawasan yang terlindung iaitu blank area. Untuk mengatasinya, stesen TV harus memasang transposer di bangunan-bangunan tersebut. Kawasan terlindung ini akan bertambah di semua bandar besar pada masa akan datang memandangkan kepesatan pembangunan dan

pembinaan bangunan-bangunan yang lebih tinggi. Oleh itu kerajaan telah memutuskan agar pihak berkuasa tempatan apabila menimbang permohonan membina bangunan tinggi yang baru juga mengambil kira keperluan perkhidmatan TV dengan mengenakan syarat kepada tuan-tuan punya bangunan tersebut agar memasang transposer di bangunan-bangunan tinggi itu yang didapati akan mewujudkan kawasan yang terlindung bagi perkhidmatan TV.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri Penerangan tadi, ada dinyatakan bahawa ketidakjelasan transmission juga berpunca daripada perbezaan penempatan transmitter oleh stesen-stesen televisyen. Jadi, saya ingin hendak bertanya bahawa memandangkan National Television Malaysia (NTV) saya difahamkan akan mula beroperasi pada hujung tahun ini, adakah kementerian akan mensyaratkan bahawa stesen televisyen ini juga menempatkan transmitter stationnya di Menara Kuala Lumpur?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, NTV sedang berunding dengan Kementerian Penerangan untuk menempatkan transmitter mereka di Menara Kuala Lumpur dengan bayaran yang tertentu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Akhir-akhir ini kalau kita tengok banyak sangat iklan yang telah disiarkan di kaca TV, kadang-kadang kita terlupa gambar yang kita tonton itu, kerana diselit dengan iklan-iklan. Jadi, dengan pendapatan yang begitu lumayan, adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan pembayaran lesen TV ini kerana syarikat-syarikat tersebut telah pun mendapat keuntungan.

Kedua, sejauh manakah syarikat-syarikat televisyen ini sama ada TV3 atau Metrovision mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh kementerian, kerana kita dapati masih ada lagi syarikat-syarikat televisyen ini yang kadang-kadang kelaku-kelakunya di kaca TV itu tidak begitu menyeronokkan dan menggelikan di satu-satu ketika. Saya beri contoh apabila seorang juruhebah wanita bertanya tentang soalan agama dengan sheikh-sheikh di televisyen, sepatutnya kita bubuhlah juruhebah lelaki, ini dibubuh dengan rambut begitu segak dan sebagainya, jadi geramlah orang yang ditanya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh benda-benda macam ini kena betul, kalau kita tengok pun naik geram, jadi kalau orang yang bertanya itu pun dia geram juga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan-soalan itu tidak bersangkutan pun.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Yang ditanya soal transmitter. Daripada transmitter pergi ke iklan, pergi kepada pak sheikh.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, menteri yang sama. *[Ketawa]*

Dato' Mohamed bin Rahmat: Ada soalan berikut, kalau sampai masanya saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tetapi untuk makluman, kalau hendak dikatakan lesen TV rasanya 'tidak'.

COXSACKIE - MENENTANG MEREBAKNYA PENYAKIT

6. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan :

- (a) langkah yang diambil oleh BN untuk menentang penyakit Cocksackie semasa merebaknya penyakit tersebut di Sarawak, terutama sekali di Sibu dan hasil yang dicapai; dan
- (b) penyebab kemungkinan merebaknya Cocksackie ini dan langkah-langkah yang disyorkan untuk mengubati dan mencegah Cocksackie.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 37 pertanyaan lagi mengenai isu-isu yang sama yang dibangkitkan oleh 29 orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu dari Tawau pada 14....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan baca kesemualah, jikalau ada 29 nama itu panjang sangat.

Datuk Chua Jui Meng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: 29....

Datuk Chua Jui Meng: Semua soalan yang ada berkaitan dengan penyakit yang digelar oleh ramai sebagai 'Cocksackie'.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 12hb. Julai tahun ini jumlah kumulatif kemasukan kes jangkitan Tangan, Kaki dan Mulut yang dilaporkan bagi seluruh Malaysia ialah 3,840 kes. Jumlah kumulatif terbanyak masih di Sarawak - 964 dan di Semenanjung Malaysia pula, jumlah kumulatif ialah 2,760 dan Sabah - 116.

Manakala jumlah kumulatif discaj yang dilaporkan bagi seluruh Malaysia ialah 3,709 kes. Jumlah discaj bagi Semenanjung Malaysia ialah 2,652 kes, Sarawak 940 dan Sabah 111.

Jumlah kes kematian yang berlaku sepanjang wabak ialah 31 kes. Kesemua kes kematian berlaku di Sarawak. Kes yang pertama berlaku pada 15 April tahun ini di Sibu dan kematian yang terakhir berlaku di Hospital Kuching pada 30 Jun tahun ini. Sebanyak 75.8% kes-kes kematian berumur kurang dari dua tahun. Sehingga 12 tengah malam pada 12 Julai tahun ini jumlah yang masih dirawat di hospital ialah 131, iaitu 108 kes di Semenanjung Malaysia, 5 kes di Sabah dan 18 kes di Sarawak.

Jumlah terkumpul yang disahkan mengalami penglibatan jantung (cardiac involvement) bagi seluruh negara ialah 63 kes. 22 kes di Wilayah Persekutuan, 34 kes di Sarawak, 6 kes di Perak dan 1 di Negeri Sembilan. Daripada 34 kes penglibatan jantung di Sarawak, 27 kes telah meninggal dunia, manakala 29 kes penglibatan jantung di Semenanjung telah dirawat dan keluar hospital tanpa komplikasi.

Virus Cocksackie B dan EV71 yang telah dikesani oleh Institut Penyelidikan Perubatan dan Centre For Disease Control Atlanta adalah dua contoh virus dalam kumpulan enterovirus yang boleh menjangkit sesiapa sahaja, terutamanya kanak-kanak berumur 4 bulan hingga 4 tahun. Cara utama rebakan kumpulan virus ini ialah melalui oral-fecal route. Pencemaran juga boleh terjadi melalui sentuhan tangan, alat, lipas atau tikus yang memindahkan virus dari najis. Jangkitan boleh berlaku jika titisan udara yang mengandungi virus tersedut oleh orang lain. Jangkitan virus ini juga akan meningkat sekiranya kebersihan diri dan keluarga tidak diamal dengan baik. Penyakit ini menyebabkan pelbagai gejala. Tanda-tanda jangkitan yang kerap dilihat termasuklah demam, sakit kerongkong, sakit kepala/sawan, hilang selera, ulser di

tekak dan mulut, ruam dengan lepuh (blister) di tapak tangan, kaki dan kawasan lampin.

Seseorang yang dijangkiti virus ini akan merasai kesakitan selepas 3 hingga 5 hari setelah terdedah kepada virus tersebut. Kebanyakan pesakit akan sembuh, tetapi segelintir boleh membawa maut setelah keadaan menjadi teruk. Mereka akan merasa lemah, susah bernafas dan sentiasa kesejukan. Ia boleh menyebabkan komplikasi seperti sakit otot, bengkak hati dan komplikasi jantung dan tanda-tanda neurologi seperti lemah anggota (flaccid paralysis), radang otak (aseptic meningitis) dan encephalitis yang boleh menyebabkan maut terutama di kalangan kanak-kanak.

Setakat ini ubat-ubatan yang spesifik dan vaksin yang khas yang diberikan kepada pesakit virus ini. Rawatan yang boleh diberikan adalah rawatan sokongan untuk membantu pesakit semasa menghadapi komplikasi.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil untuk mengubati penyakit ini adalah seperti berikut:-

- (i) Semua kes yang disyaki perlu dimasuk ke hospital supaya mendapat rehat, diperiksa dengan teliti serta dapat menerima rawatan yang sempurna.
- (ii) Bagi kes-kes yang dikesan mengalami komplikasi maka rawatan sokongan yang meningkat fungsi jantung dan tekanan darah diberi.
- (iii) Tindakan untuk memasukkan ke hospital, rawatan serta prosedur siasatan di makmal adalah mengikut protokol yang disediakan. Protokol-protokol ini telah pun dihantar ke seluruh Jabatan Kesihatan negeri-negeri, hospital-hospital kerajaan termasuk swasta. Protokol-protokol ini telah dikaji semula dari masa ke semasa untuk memastikan aktiviti rawatan dan pencegahan dipertingkatkan.

Untuk mengatasi jangkitan enterovirus, kerajaan telah pun mengambil beberapa tindakan seperti berikut:-

- (a) Mengawasi dan mengawal wabak -
 - (i) Setiap jentera dan sumber Kementerian Kesihatan Malaysia telah dikerah untuk melaksanakan semua aktiviti yang berpatutan untuk mengawal, mengurus, merawat dan menyasat jangkitan ini. Demi memastikan semua aktiviti ini berjalan lancar dan diselaraskan, bilik-bilik gerakan pada peringkat kebangsaan dan negeri telah ditubuhkan.
 - (ii) Perkhidmatan Hotline 24 jam juga disediakan di semua bilik gerakan peringkat kebangsaan dan negeri untuk memberi penerangan mengenai wabak jangkitan ini.
 - (iii) Menyediakan kemudahan wad-wad pengasingan di setiap hospital di seluruh negara bagi merawat pesakit.
 - (iv) meningkatkan pengesanan kes dan rawatan di klinik-klinik dan hospital-hospital.

- (b) Pendidikan kesihatan mengenai wabak Coxsackie -
 - (i) Membuat penyebaran maklumat kepada orang ramai melalui pendedaran bahan pendidikan bercetak.
 - (ii) Melawat dan mengedar bahan pendidikan di pusat-pusat asuhan kanak-kanak, KEMAS, FELDA, sekolah-sekolah, pusat membeli-belah, masjid, bank dan tol plaza di seluruh negara. Khidmat nasihat juga telah diberi kepada semua taman asuhan dan tadika supaya menjaga kebersihan di persekitaran premis berkenaan.
 - (iii) Menampal poster-poster di tempat strategik seperti stesen bas, teksi dan kereta api, lapangan terbang, pusat membeli-belah, pejabat pos, sekolah, tadika, surau dan masjid di seluruh negara.
- (c) Menyebar maklumat melalui media massa seperti televisyen, radio dan surat khabar. Tayangan slaid dan pengumuman spontan telah dan akan disiarkan dalam bentuk multimedia dan interaktif melalui rangkaian kiosk informasi iaitu Terminal Maklumat Nasional. Satu talian tele-info juga telah diwujudkan untuk membolehkan masyarakat mendapat maklumat melalui telefon. Buletin harian yang mengandungi perangkaan mengenai jangkitan ini juga telah diedarkan.
- (d) Mendapatkan maklumbalas tambahan dari seluruh dunia mengenai penyiasatan, rawatan, kaedah pencegahan dan kawalan wabak melalui Internet.
- (e) Mendapatkan bantuan kepakaran dan nasihat dari pakar-pakar kawalan penyakit dari pusat kawalan penyakit Atlanta dan juga pakar dari Jepun melalui saluran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi membantu bersama menyiasat wabak yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, lima orang pakar dari Amerika Syarikat dan dua orang pakar dari Jepun telah diminta bagi membantu Kementerian Kesihatan menangani isu jangkitan virus ini dengan membantu dalam membuat kaji selidik. Penyiasatan yang dibuat mengandungi tiga aspek, iaitu dari sudut epidemiologi, sokongan makmal dan perjalanan klinikal agar satu gambaran yang menyeluruh dapat diusahakan. Demi memastikan penyebab jangkitan virus ini ujian-ujian virilogi telah dijalankan dan sampel-sampel yang diperolehi daripada mangsa jangkitan virus telah dihantar ke makmal-makmal tempatan seperti IMR, Universiti Malaysia Sarawak, Makmal Rujukan Virus Universiti Malaya dan juga makmal di Amerika Syarikat dan Jepun untuk dikaji siasat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai punca-punca yang menyebabkan kelewatan mengesan penyakit ini ialah dalam pengalaman Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga kini jangkitan ini adalah sungguh luar biasa dan complicated. Pengesannya melibatkan penyiasatan yang mendalam dan terperinci mengenai beberapa aspek epidemiologi, sokongan makmal dan juga perjalanan klinikal. Prosedur makmal yang complicated mengambil masa yang panjang kerana virus ini adalah susah dikesan. Di peringkat awal, persetujuan menjalankan post-mortem tidak diperolehi. Sebaliknya jika persetujuan untuk menjalankan post-mortem diperolehi di peringkat awal, mungkin pemeriksaan ke atas jangkitan virus ini dapat dipercepatkan.

Akhirnya, penyakit jangkitan ini juga tidak perlu diberi notis oleh pengamal perubatan sama ada di sektor swasta mahu pun di sektor awam. Oleh itu, apabila wabak ini mula-mula dikesan, perangkaan mengenai rebakan ini tidak diketahui. Kementerian Kesihatan juga telah menerima banyak cadangan dan maklum balas daripada dalam dan luar negara melalui Internet, faksimili dan surat berkaitan dengan cadangan pengesyoran berkaitan dengan rawatan, pengawalan dan pencegahan jangkitan enterovirus. Semua cadangan dan maklum balas telah pun diteliti dan tindakan yang sesuai telah diambil oleh pakar-pakar perubatan dan kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Kesihatan juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia memang menyedari akan keperluan mewujudkan pusat kecemerlangan bagi menangani masalah kesihatan yang berlaku dari masa ke semasa. Namun demikian, Kementerian Kesihatan tidak berhasrat menubuhkan satu lagi pusat kajian penyakit seperti Centre For Disease Control di Amerika Syarikat kerana kita telah pun mempunyai pusat-pusat kecemerlangan sedemikian seperti yang terdapat di institut penyelidikan perubatan dan universiti-universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan UNIMAS. Ini akan diperkukuhkan lagi dengan penubuhan beberapa makmal kesihatan awam oleh Kementerian Kesihatan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Kita mempunyai kepakaran dalam banyak bidang perubatan dan kesihatan dan pernah menyelesaikan masalah-masalah kesihatan tanpa bantuan seperti wabak kolera yang berlaku di Pulau Pinang. Pakar-pakar kita juga ramai yang berkhidmat sebagai pakar rujuk dalam bidang-bidang tertentu kepada institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan memang menyedari hakikat bahawa kita masih kekurangan dalam bidang-bidang tertentu dan juga kemudahan teknologi-teknologi yang terbaru. Usaha-usaha sedang dan akan terus dibuat bagi melatih pakar-pakar dalam bidang yang diperlukan bagi memperkukuhkan lagi pusat-pusat kecemerlangan tersebut.

Memandangkan usaha melahirkan pakar-pakar ini mengambil masa, Kementerian Kesihatan akan terus mengamalkan dasar terbuka dengan meminta bantuan luar bukan sahaja dari CDC, malah dari negara-negara lain yang mempunyai kapakaran bagi membantu mengatasi masalah kesihatan dalam bidang-bidang yang kita belum mempunyai kepakaran atau pengalaman tersebut apabila keadaan memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tohmahan bahawa kementerian terlalu banyak merahsiakan kejadian wabak ini, ianya adalah tidak benar sama sekali. Semenjak jangkitan ini dikenalpasti, berita mengenainya selalu disiarkan di dalam media massa. Sejak talian Hotline dibuka 24 jam, jumlah panggilan dari orang ramai bertanyakan enterovirus ini berkurangan dari hari ke hari. Ini menunjukkan tidak ada keributan di dalam meyakinkan rakyat umum. Tohmahan ini adalah tidak benar sama sekali.

Mengenai tohmahan bahawa Malaysia tidak mempunyai doktor-doktor pakar yang mampu mengatasi masalah tersebut, ianya adalah tidak benar kerana semua pesakit yang dirawat di seluruh negara adalah terdiri daripada doktor-doktor pakar tempatan. Sebenarnya Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai semua pakar yang berkaitan dengan usaha mengawal wabak jangkitan ini seperti pakar kanak-kanak, pakar makmal, pakar epidemiologi, pakar kardiologi dan juga pakar kesihatan awam. Mereka telah bertungkus-lumus dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencegah dan mengawal wabak ini. Kehadiran pakar-pakar dari luar negeri adalah diminta untuk membantu pakar-pakar tempatan dan menentukan bahawa segala usaha yang patut dijalankan telah dijalankan dengan izin, to ensure that no stone was left unturned.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana dia sendiri melawat Sibü beberapa kali, tiga-empat kali, iaitu dia beri perhatian berat. Soalan tambahan, apakah keputusan kajian oleh pakar-pakar dari Malaysia dan pakar-pakar dari Amerika Syarikat mengenai sumber Cocksackie dari mana masuk ke Sarawak. The source of Cocksackie disease enter Sarawak from where, dengan izin. Tadika-tadika dan pusat-pusat asuhan kanak-kanak tidak akan dibuka di Sarawak.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tadi dan sumber virus ini belum diketahui secara definitive. Para epidemiologist daripada luar negara dan daripada Malaysia masih menjalankan siasatan epidemiologist di Sarawak secara meluas dan kita menunggu keputusan muktamad daripada mereka.

Mengenai tadika dan pusat asuhan, saya minta Ahli Yang Berhormat sabar sedikit, oleh kerana saya telah meminta Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan berbincang dengan pakar-pakar kita mengenai perkara ini, saya hendak mereka memberikan saya satu laporan yang lengkap yang boleh meyakinkan saya untuk mengumumkan pembukaan tadika dan pusat asuhan di Sarawak.

Saya minta ibu bapa di Sarawak sabar sedikit sampai masa di mana Ketua Pengarah boleh memberikan laporan iaitu masa sudah sampai dan selamat untuk bayi-bayi kita dengan kanak-kanak kita keluar daripada rumah dan pergi ke pusat asuhan dan tadika. Keputusan muktamad belum dibuat lagi Yang Berhormat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Cocksackie ini adalah satu apedamik yang begitu penting diatasi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pergerakan untuk memberi pengetahuan lebih kepada orang-orang pedalaman boleh dipertingkatkan ataupun tidak kerana nampaknya belum begitu mencukupi dan tentu sekali 'prevention is better than cure'.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, adakah benar cerita ataupun bolehkah cerita yang telah kita perolehi iaitu bahawa ada orang-orang daripada Sibü, Sarawak yang pernah melawat ke Afrika Selatan yang ada kemungkinan telah pun terjangkit dan mungkin barangkali kalau ini adalah satu pengetahuan mungkin boleh diperiksa. Terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, pengetahuan atau maklumat yang mendalam telah diberi kepada hampir semua penduduk di Malaysia umpamanya untuk kawasan pedalaman, kita telah meminta pegawai-pegawai kita masuk ke dalam kawasan pedalaman, membuat lawatan dan untuk mengenalpasti bayi-bayi atau kanak-kanak yang sudah jatuh sakit agar mereka boleh dibawa masuk ke dalam hospital kita. Langkah tersebut telah pun dijalankan secara luasnya khasnya di Sarawak. 'Flying doctor services' juga digunakan di Sarawak untuk membolehkan kita membawa masuk doktor dan anggota-anggota Kementerian Kesihatan ke kawasan pedalaman.

Mengenai risalah yang diberi secara luas, semua pengarah kesihatan di semua peringkat negeri telah diminta iaitu bekerjasama dengan pengarah pendidikan di peringkat negeri untuk mengedarkan kepada murid-murid di setiap sekolah, risalah yang mengenai dengan dan ada kaitan dengan maklumat penyakit Cocksackie ini.

Dengan cara ini kita hendak minta murid-murid membawa risalah ini balik ke rumah mereka, tunjuk kepada ibu bapa mereka untuk dibaca agar semua keluarga di negara ini dapat pengetahuan dan maklumat terperinci mengenai wabak ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, satu subjek yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh, sila Kepong, satu soalan lagi ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun saya sentiasa menggalakkan para penduduk di Malaysia mengikuti arahan dan nasihat daripada kementerian untuk menjaga kesihatan dan sebagainya dan langkah-langkah yang diberikan melalui media massa, saya nampak adalah baik dan saya ada menggalakkan orang ramai, tetapi pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri, yang pertamanya beliau sebutkan ini puncanya Cocksackie.

Tetapi di sini tadi kita dengar, kita tidak tahu apa sebenarnya yang menyebabkan 31 kes yang mati, kita tidak tahu dan bolehkah Yang Berhormat mengemukakan satu kertas putih dengan secepat mungkin di dalam Dewan ini supaya kita tahu apakah punca kematian itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya percaya kita mempunyai cukup pakar, tetapi malangnya adakah Yang Berhormat sedar di Universiti Malaya (MU), kita tidak boleh mengenalpasti virus ini, walaupun di IMR sebagai satu reference laboratory, kita tidak mempunyai alat yang cukup untuk mengenalpasti sehingga terpaksa dihantar kepada CDC dan adakah Yang Berhormat mempertimbangkan orang-orang yang sungguh pakar di rantau ini seperti di Singapura, di Indonesia, di Thailand yang boleh cukup membantu kita dan setakat manakah CDC dapat membantu pihak Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menunggu keputusan muktamad daripada pakar-pakar epidemiologist, pakar-pakar makmal, pakar-pakar klinikal mengenai penyebab penyakit wabak ini tetapi sampai ke hari ini kita sudah dapat mengesan melalui ujian yang telah dijalankan, umpamanya oleh Insititute of Medical Research Malaysia di mana daripada empat kes mangsa kematian virus Cocksackie B telah dikenalpasti secara seriological.

Selain daripada itu, Insititute of Medical Research telah mengenalpasti melalui kuota di dalam laboratory makmal itu pun Cocksackie B. Selain daripada itu, sejenis enterovirus telah dikenalpasti oleh CDC di Atlanta, dua sample telah dikenalpasti dan apa yang mustahak kepada kami pada hari ini bukanlah punca. Walaupun itu mustahak untuk kita mengawasi wabak ini, apa yang mustahak mengenai satu serangan wabak enterovirus ialah cara-cara untuk mengawal keadaan tidak merebak.

Yang kedua, mengubati kanak-kanak kita yang jatuh sakit dan dimasukkan ke hospital untuk kita mengurangkan kadar kematian di populasi kita. Kita sudah melihat iaitu satu kesan yang baik, walaupun virus ini sudah tentunya telah datang daripada Sarawak ke Malaysia melalui manusia yang berjalan daripada Sarawak ke Malaysia, tetapi kita telah mengambil tindakan untuk mengawal, mencegah dan mengawasi wabak ini, kita bersyukur kepada Tuhan iaitu sehingga hari ini tidak ada seseorang yang mati di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 77 akan dijilid dalam buku berasingan]

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Point of order mengenai cara Yang Berhormat Menteri menjawab pertanyaan Peraturan 24. Oleh kerana tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada meminta sekali gus menjawab 29 soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Dan sangat nyata beliau tidak menjawab semua 29 soalan. Saya ada satu soalan di hari esok mengenai perkara ini mengenai apakah pengajaran yang didapati oleh Kementerian Kesihatan dari isu ini dalam segi pengurusan 'crisis epidemic' masa depan untuk memastikan keyakinan orang ramai tidak tergugat sebagaimana yang berlaku di dalam krisis epidemic virus Sarawak hari ini dan bahagian ini langsung tidak dijawab dan bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh menjawab sekali gus 29 soalan dalam satu perkara yang begitu besar.

Tadi Yang Berhormat Menteri berkata nasib baik tidak ada orang mati dalam Semenanjung Malaysia dan Sabah. Tetapi 31 kes kematian di Sarawak, adakah tidak mustahak? *[Tepuk]* Bagaimana boleh bercakap semacam ini? Nampaknya menghinakan rakyat di Sarawak.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri

Seorang Ahli: Jangan naik angin!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sama ada semua soalan-soalan itu patut dijawab di Dewan ini? *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kita hanya ada satu jam sahaja dalam masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut. Kalau hendak dijawab kesemua sekali bermakna kita untuk satu soalan mengenai satu perkara sahaja yang akan memakan masa. Bahkan satu jam pun jikalau hendak bercakap berkenaan dengan penyakit ini tidak cukup. Dengan demikian kita kenalah terima keadaan yang sebenarnya. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Setuju, setuju!

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Masalah Keganasan Rumahtangga- Reaksi Polis

3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusul yang berikut:-

"Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Tuan Lim Kit Siang, untuk menangguhkan Dewan dan membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan mengenai tindak balas pihak polis yang keras dan menakut-nakutkan terhadap para wakil NGO dan parti-parti politik yang disoal siasat di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan Seksyen 8A mengenai aduan mereka tentang sikap pihak polis yang tidak prihatin terhadap laporan mengenai keganasan rumahtangga, atas sebab-sebab berikut:-

Akhir bulan lepas, Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta kumpulan-kumpulan wanita membuat aduan tentang sikap pihak polis secara am yang tidak simpati serta enggan melayan laporan mengenai keganasan rumah tangga dan dalam proses berkenaan, menyuarakan penderitaan yang lama wujud di kalangan kaum wanita Malaysia yang tidak berupaya mendapat simpati dari pegawai-pegawai polis yang menegaskan bahawa masalah rumah tangga harus diselesaikan di rumah.

Ini membawa kepada reaksi yang tidak harus timbul dari Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor yang pada mulanya membuat sindiran dan tuduhan terhadap integriti Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggunakan bahasa-bahasa seperti '*We will deeply regret if her statements is not true or is partially true, or if it had stemmed from provocation from some quarters*'.

Reaksi sebegini sungguh tidak wajar, bagaikan menteri serta kumpulan-kumpulan wanita kita merupakan anasir anti-nasional yang bertujuan untuk merosakkan bukan sahaja kredibiliti pihak polis malah keselamatan negara dan telah menuduh pihak polis sebagai melakukan sesuatu kesalahan kejam, sungguhpun apa yang dikehendaki mereka hanyalah untuk menumpukan perhatian pihak polis terhadap masalah sosial yang benar-benar wujud iaitu sikap pegawai polis yang tidak berubah mengikut zaman selepas Parlimen meluluskan akta menjenayahkan keganasan rumah tangga.

Rakyat Malaysia sangka perkara ini telah selesai apabila Ketua Polis Negara mengumumkan pada 4 Julai bahawa '*setiap pegawai polis telah dilatih untuk menerima laporan dari mangsa, tidak kira ia perkara remeh-temeh mahupun serius*' dan bahawa pegawai polis telah diberikan amaran '*kegagalan menerima laporan akan mendatangkan hukuman berat*', termasuk didakwa di bawah Kanun Keseksan Seksyen 217, yang memaktubkan hukuman penjara dua tahun serta denda, sekiranya didapati bersalah.

Semua orang berharap bahawa kontroversi ini akan membawa kepada hasil yang baik demi memastikan bahawa pihak polis akan melayan isu keganasan rumah tangga dengan lebih serius dan bahawa suatu muka baru akan bermula atas perkara ini.

Bagaimanapun, rakyat Malaysia merasa sungguh terkejut dengan tindakan pihak polis yang meneruskan tindak balas keras dan menakut-nakutkan atas isu ini, di mana wartawan *The New Straits Times*, Shareen Amry yang menulis artikel analisa berita bertajuk '*Making sure women are protected under Domestic Violence Act*' dalam isu 2 Julai telah disoal siasat oleh polis di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 Seksyen 8A iaitu yang berkaitan dengan kesalahan menerbitkan 'berita palsu'.

Pada hari Jumaat, Setiausaha Persatuan Sahabat Wanita, Irene Xavier telah disoal siasat di Ibu Pejabat Bukit Aman berkenaan dengan artikel *The New Straits Times* yang sama, sebagaimana yang telah berlaku ke atas wakil lain-lain kumpulan wanita, seperti Zaitun Kassim dari All Women's Action Society (AWAM). Sesetengah dari mereka disoal siasat selama berjam-jam lamanya atas alasan tuduhan palsu terhadap pihak polis.

Kumpulan-kumpulan wanita negara ini merasa cemas dengan layanan pihak polis terhadap individu dan organisasi yang tujuan asal mereka hanya untuk mencari jalan penyelesaian ke atas masalah yang dihadapi oleh mangsa keganasan rumah tangga, khasnya memandangkan orang-orang yang disoal siasat ini dikehendaki membongkarkan kerahsiaan di antara mereka dengan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang mana pihak polis bertujuan untuk menyoal siasat juga.

Dewan ini harus menyuarakan rasa keprihatinan terhadap pelbagai kesan tindakan polis sebegini iaitu:-

- * Rakyat yang bertanggungjawab akan merasa keberatan untuk membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan

kepentingan orang ramai demi menyumbang ke arah mewujudkan sebuah masyarakat madani;

- * Mangsa keganasan rumah tangga akan menjadi lebih keberatan untuk mendapat kaunseling dan membongkarkan butir-butir mengenai penderitaan mereka;
- * Hubungan kerja yang baik di antara NGO dan pelbagai agensi polis akan terjejas dengan teruknya di masa depan;
- * Sekiranya mangsa keganasan rumah tangga dipanggil untuk disoal siasat, mereka akan terdedah kepada trauma yang lebih serius.

Dan untuk sebab-sebab tersebut di atas, Dewan ini harus menunjukkan kepada pihak polis supaya menerima *bona fide* organisasi-organisasi wanita yang hanya ingin mendapatkan keadilan kepada para mangsa keganasan rumah tangga dan membatalkan semua kerja-kerja siasatan terhadap wakil NGO, parti-parti politik dan pihak akhbar yang berbangkit dari kontroversi ini dan seterusnya bekerja dengan mereka dengan semangat kerjasama menguatkuasakan Akta Keganasan Rumahtangga.”

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat ahli dari kawasan Tanjong pada 12 Julai, 1997 jam 12.17 tengah hari.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Setelah saya meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu; ia adalah satu perkara bagi kepentingan orang ramai; tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Setahu saya Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri telah memberi arahan supaya perkara ini diselesaikan di dalam Kabinet. Semenjak itu tidak lagi berbangkit perkara ini di dalam akhbar-akhbar. Pihak polis pula telah berjanji hendak menerima semua laporan daripada orang ramai.

Berkenaan dengan tindakan polis menyiasat pemberita-pemberita dan wakil-wakil kumpulan wanita, perkara ini kita tidak patut menyoal polis dari menjalankan tugas-tugas mereka, jika tidak ada apa-apa bukti yang mereka itu menindas atau melakukan apa-apa perbuatan aniaya. Kita harus sedar bahawa, jenayah keganasan rumah tangga memangnya cukup sukar untuk diselesaikan.

Tetapi, jika ada bukti berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang tidak sewajarnya, atau perbuatan *mala fide* oleh pihak polis, barulah patut kita mengambil apa-apa tindakan yang perlu.

Seperti yang saya katakan tadi, perkara ini bukanlah satu perkara yang perlu disegerakan. Tindakan boleh diambil pada mana-mana masa pun.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. [Tepuk]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN)
1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan satu rang undang-undang yang dinamakan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 telah diwujudkan untuk mendaftarkan pengamal-pengamal farmasi dan mengawal pengamalan farmasi di negara ini. Akta ini juga memperuntukkan penubuhan Lembaga Farmasi untuk mendaftar ahli-ahli farmasi dan pertubuhan perbadanan dan seterusnya mengawasi pengamalan farmasi di negara Malaysia.

Lembaga Farmasi yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 (1) dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan selaku pendaftar Lembaga Farmasi. Ahli-ahli Lembaga kini terdiri daripada; seorang daripada universiti tempatan, seorang ahli farmasi di dalam perkhidmatan awam, seorang ahli kimia daripada Jabatan Kimia dan dua orang dicalonkan oleh persatuan farmasi yang mewakili ahli farmasi dalam pihak swasta. Keahlian ini tidak mencerminkan keperluan-keperluan semasa.

Dalam tahun 1953, bilangan ahli farmasi yang didaftarkan hanyalah 49 orang dibandingkan dengan 2,303 orang pada akhir tahun 1996. Tambahan pula, ahli kimia di dalam lembaga ini tidak mempunyai kaitan dengan pengamalan farmasi. Perwakilan daripada kedua-dua pihak swasta dan kerajaan juga tidak mencukupi untuk meliputi semua aspek pengamalan farmasi. Lembaga Farmasi juga memainkan peranan dalam mengawasi pengamalan farmasi dan mengambil tindakan tata tertib terhadap ahli-ahli farmasi berdaftar dan Pertubuhan Perbadanan Berdaftar (Registered Body Corporate) yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang berhubung dengan racun, dadah berbahaya, bahan 'therapeutic' dan juga melanggar peruntukan tatakelakuan yang ditetapkan oleh Lembaga Farmasi. Beberapa kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh Lembaga Farmasi pada masa kini ialah seperti berikut:-

- (i) Siasatan untuk setiap kes mengenai tindakan tata tertib perlu dikendalikan secara langsung oleh Lembaga Farmasi yang dipengerusikan oleh ketua pengarah kesihatan selaku pengerusi Lembaga Farmasi.
- (ii) Penalti tunggal di bawah seksyen 17 bagi mereka yang melakukan kesalahan ialah pembatalan pendaftarannya dan tiada hukuman yang lebih ringan dan setimpal seperti penggantungan pendaftaran bagi suatu tempoh masa.

- (iii) Di bawah seksyen 19, mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan pendaftaran atau pembatalan pendaftarannya, boleh membuat rayuan kepada Menteri Kesihatan dan keputusan menteri adalah muktamad. Walau bagaimanapun, akta ini tidak ada peruntukan kepada mereka yang dikenakan tindakan tatatertib lain untuk membuat rayuan kepada Menteri Kesihatan.
- (iv) Siasatan di bawah akta sekarang hanya boleh dikendalikan oleh Lembaga Farmasi. Ini menyebabkan Lembaga Farmasi melaksanakan dua tugas iaitu membuat siasatan dan menentukan keputusan serta hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keahlian Lembaga Farmasi tidak membayangkan keperluan sekarang, Kementerian Kesihatan mencadangkan keahlian Lembaga Farmasi diperluaskan supaya mendapat perwakilan daripada pelbagai bidang pengamalan farmasi dengan meminda seksyen 3 (1) untuk meningkatkan bilangan keahlian seperti berikut:-

- (i) Ketua Pengarah Kesihatan sebagai ahli *ex-officio*;
- (ii) Pengarah Perkhidmatan Farmasi sebagai ahli *ex-officio* juga;
- (iii) lapan orang ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam yang dilantik oleh menteri untuk mewakili pelbagai aktiviti dalam perkhidmatan farmasi;
- (iv) tiga orang ahli farmasi berdaftar dari institut pendidikan tinggi tempatan yang menawarkan kursus dan program farmasi yang dilantik oleh menteri. Setakat ini ada tiga buah institusi pengajian tinggi yang mempunyai pusat pengajian atau Jabatan Farmasi.
- (v) dua orang ahli farmasi yang tidak dalam perkhidmatan awam yang dilantik oleh menteri; dan
- (vi) 3 orang ahli farmasi berdaftar yang tidak dalam perkhidmatan awam yang dinamakan oleh persatuan yang mewakili ahli farmasi yang menjalankan amalan persendirian yang diluluskan dan dilantik oleh menteri.

Keahlian ahli kimia yang tidak berkaitan dengan pengamalan farmasi dicadangkan digugurkan. Semua ahli lembaga hendaklah warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan keanggotaan lembaga ini juga bermakna kuorum bagi mesyuarat lembaga perlu ditambahkan. Kementerian ini mencadangkan kuorum tersebut dipertingkatkan dari lima kesembilan orang dengan meminda subseksyen 4 (4).

Seterusnya kementerian ini berpendapat bahawa pindaan juga perlu dibuat ke atas hukuman tunggal iaitu pembatalan pendaftaran ke atas ahli farmasi atau ahli pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan. Oleh itu Kementerian Kesihatan ini mencadangkan satu seksyen baru, 18(A) untuk menggantikan hukuman tunggal ini dengan pelbagai tindakan tatatertib termasuk amaran dan penggantungan pendaftaran bagi satu tempoh masa. Hukuman dicadangkan ini adalah wajar dan setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen baru ini Kementerian Kesihatan juga mencadangkan bahawa Lembaga Farmasi diberi kuasa untuk memerintah ahli farmasi, pertubuhan perbadanan atau pengadu yang terlibat membayar kos kepada pihak yang berkenaan pada akhir siasatan. Kos itu boleh dituntut sebagai hutang sivil.

Untuk meringankan beban ahli-ahli Lembaga Farmasi dari prosiding siasatan yang memakan masa yang panjang, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu

subseksyen baru 22(1)(ba) supaya suatu jawatankuasa siasatan boleh ditubuhkan untuk menjalankan siasatan ke atas aduan atau maklumat tentang apa-apa perkara yang boleh, di bawah peruntukan akta ini disiasat oleh Lembaga Farmasi. Ini akan membolehkan Lembaga Farmasi menumpukan usahanya dalam membuat keputusan dan penalti ke atas laporan jawatankuasa siasatan. Tindakan ini akan disusuli dengan pindaan kepada peraturan-peraturan pendaftaran ahli farmasi 1952 untuk memberi peruntukan perlantikan pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa siasatan serta prosedur menjalani siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan cadangan untuk mengadakan pelbagai hukuman, Kementerian Kesihatan juga mencadangkan pindaan dibuat kepada seksyen 19 di mana mereka yang dikenakan pelbagai hukuman seperti penggantungan pendaftaran atau dicela oleh Lembaga Farmasi selepas siasatan boleh merayu kepada menteri. Keputusan menteri adalah muktamad. Tindakan ini adalah sejajar dengan peruntukan sekarang iaitu seksyen 19 di mana mereka yang tidak berpuas hati dengan pembatalan nama atau gagal mengekalkan namanya di dalam daftar boleh merayu kepada menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951; dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Kepong. Jika bangun hendak berucap, silalah berucap ya. *[Ketawa]*

4.00 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar hujah Yang Berhormat Menteri tadi saya dapati ada sebahagian besarnya adalah betul kerana kita mesti mengemaskinikan cara-cara untuk mendaftar ahli-ahli farmasi di negara ini kerana sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sekarang kita ada lebih 2,300 ahli farmasi dan perlulah kita memastikan semua ahli ini adalah mencapai satu tahap yang tertentu yang mempunyai kaliber yang baik untuk kesihatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma dengan ringkas sahaja kerana sebahagian besar kita bersetuju, cuma beberapa bahagian sahaja. Yang pertamanya, kuasa yang diberi kepada menteri. Bagi saya, kuasa itu sangat besar dan saya berharap kuasa ini boleh digunakan dengan sepatutnya, jangan digunakan dengan sewenang-wenangnya kerana kita hendak menyaksikan satu bidang farmasi yang boleh berkembang, boleh menjadi lebih baik kerana walaupun bilangan sudah bertambah tetapi saya nampak mutu tidak semestinya sudah bertambah.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ada kawalan daripada Kementerian Kesihatan tetapi kalau kita tengok pesakit-pesakit bila dapat ubat daripada doktor dan kadangkala dia tunjukkan ubat ini kepada setengah-setengah farmasi dan kemudian dibekalkan dengan ubat yang sama. Saya bukan katakan semua ahli farmasi macam itu, mungkin ada setengah-setengah, seperti setengah doktor pun ada yang jadi 'kambing hitam' juga, tetapi ahli-ahli farmasi pun ada 'kambing hitam'

juga yang dapat membekalkan ubat tanpa preskripsi. Ini satu masalah yang serius di negara ini kerana amalan semua keturunan di Malaysia ini kadangkala mereka menjadi doktor sendiri, jadi dukun sendiri dan makan ubat dengan begitu sahaja, tanpa nasihat doktor. Ini satu amalan yang perlu kita kaji seluas manakah rakyat Malaysia menjadi doktor sendiri dan memakan ubat dengan ikut kehendak sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya mencadangkan pihak kementerian mengadakan satu kajian menyeluruh untuk mengetahui setakat mana self-doctoring dan self-medication berlaku di Malaysia ini. Secara persendirian saya ada menyaksi dengan peratusan pesakit yang buat demikian mungkin lebih daripada 20% ataupun 30%. Kadangkala kita nampak pesakit-pesakit, saya sebagai seorang doktor, bila mereka datang untuk rawatan, untuk berjumpa doktor ini, bagi saya kadangkala 50% sudah mengambil ubat sendiri, sudah jadi doktor sendiri dan di manakah mereka dapat ubat-ubat ini? Kadangkala bukan sahaja daripada farmasi bahkan juga daripada syarikat ubat Cina pun ada, ada bekalkan ubat dan daripada bomoh pun ada dan sebagainya. Oleh kerana sebab-sebab ini kita perlu adakan satu kajian menyeluruh dan diikuti dengan pendidikan, sepertimana dilakukan dengan langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit.

Saya perlu ucapkan di sini bahawa ada langkah-langkah yang diambil oleh kementerian itu untuk setengah-setengah penyakit, termasuklah dengan wabaknya. Ada kakitangan dan doktor-doktor di hospital-hospital yang memang memainkan peranan yang baik. Syabas kepada mereka yang bertungkus-lumus, ini memang kita akui tetapi tidak cukup, sebab saya tidak mahu memperbincangkan mengenai wabak di Sarawak kerana kita ada masa lagi untuk membincangkan kerana jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat pun saya tidak puas hatilah. Tetapi walau bagaimanapun, mengenai ubat farmasi, selain daripada perlu kita mengadakan kajian untuk mengetahui setakat mana seriusnya self-medication dan self-doctoring di Malaysia dan cara untuk mengatasinya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang serius juga iaitu mengenai amalan ahli farmasi. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk mengiktiraf ahli-ahli farmasi sebab bukan sahaja kita sendiri ada kursus di USM dan sebagainya untuk farmasi bahkan juga mereka dilatih mengambil kursus di luar negara. Setakat ini bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa universiti atau institut pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kementerian Yang Berhormat dan adakah ini termasuk universiti-universiti di Indonesia kerana kalau tidak silap saya, semalam Yang Berhormat mengatakan ada 8 universiti di Indonesia yang Ijazah Perubatannya diiktiraf oleh kementeriannya. Adakah ini benar? Daripada 8 ini berapa yang mempunyai kursus farmasi yang diiktiraf?

Saya hendak mengetahui hal demikian kerana saya nampak mungkin ada setengah-setengah kualiti itu tidak sampai yang diharapkan dan kita perlulah dengan hasrat untuk menjadi negara yang maju, bidang perubatan dan bidang farmasi pun kita perlu meningkat kepada tahap yang maju.

Seterusnya, mengenai masalah ubat palsu. Bagi saya, perhatian yang diambil oleh pihak kementerian itu tidak cukup. Beberapa tahun yang lepas, walaupun waktu itu Yang Berhormat bukan Menteri Kesihatan, sebagai Timbalan Menteri, saya ada membawa beberapa contoh ubat palsu termasuk Panadol yang palsu ke Dewan yang mulia ini. Tetapi ikutan, ekoran daripada pembangkitan masalah ini di dalam Dewan dan di luar Dewan, tindakan yang diambil dan langkah-langkah berkesan yang diambil oleh pihak kementerian itu tidak begitu memuaskan. Saya bersetuju ada tangkapan juga, bukan tidak ada, tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagi setiap tangkapan untuk kilang membuat ubat palsu ini berapa peratuskah yang tidak dapat

dikesan? Saya bersetuju susah hendak kita kesan kerana kadangkala dia di bungalow, di mana sahajalah, termasuk di Jinjang juga ada buat ubat palsu - tidak kena-mengena dengan saya, saya tidak izinkanlah, tetapi Yang Berhormat Menteri tidak begitu prihatin mengenai hal ini. Satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Tempatan dan Hal Ehwal.....Domestic Trade.....Perdagangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dalam Negeri!

Dr. Tan Seng Giaw: Dalam Negara - 'Negeri' itu sudah tidak sesuai lagilah. [Ketawa] Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Hal Ehwal Pengguna mengatakan 40% daripada ubat yang digunakan di negara ini adalah palsu dan dengan cepat Yang Berhormat Menteri menyangkal, menafikan sama sekali, dia kata itu mungkin tidak sampai 15.5% yang palsu, itu pun besar angkanya, sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji semula angka ini. Walaupun dengan langsung ataupun tidak langsung beliau sudah menggalakkan saya nampak ada seorang daripada syarikat pharmaceutical yang kata ini sangat tinggilah - 40%, tidak sampai. Tetapi berilah pengumuman di dalam Dewan ini angka-angka yang didapati oleh pihak kementerian dan mengapa Yang Berhormat tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebabnya ialah ubat-ubat yang palsu ini dijual di kampung dan setakat ini pun pihak kementerian tidak mengetahui saluran-saluran yang digunakan oleh pihak penjenayah ini. Dalam syarikat-syarikat ini adakah ahli-ahli politik yang terlibat? Itu pun belum tahu lagi kerana ada keuntungan yang besar, walaupun tidak setinggi najis dadah tetapi kadar keuntungan itu sangat tinggi sebab kalau kita kira Panadol palsu ini mungkin tidak sampai 20%, 30% Panadol dan mereka boleh meraih keuntungan yang besar. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan sama ada kajian yang menyeluruh yang dapat dijalankan oleh pihak kementeriannya untuk mengetahui bagaimana ubat-ubat palsu dapat dibuat di negara ini dan juga siapa yang terlibat, syarikat-syarikat yang terlibat? Memang kita mesti mengambil tindakan yang tegas untuk mencegahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebutkan tadi mengenai edaran ubat seperti ini di kampung mungkin melalui kedai-kedai runcit dan kedai-kedai yang lain. Orang kampung memang tidak tahu sama ada ini benar ataupun tidak benar, kerana di dalam bungkusan itu memang cantik kerana pihak penjenayah ini dia pandai. Mungkin tulisan itu lebih cantik daripada Panadol yang tulen. Penjenayah ini memang dia pandai untuk menipu orang-orang, tetapi di kampung saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat, terutamanya daripada kampung termasuk Yang Berhormat yang baru masuk di Dewan ini juga, kita mesti berjaga-jaga di kampung, tengok di mana ada jual ubat, kita pastikan sama ada ubat yang dijual di semua kampung ini ada palsu ataupun tidak. Mungkin Yang Berhormat akan terperanjat kerana peratusan itu tinggi yang palsu. Adakah ubat-ubat palsu ini dijual melalui farmasi, melalui ahli-ahli farmasi. Saya percayalah ahli farmasi yang mempunyai kaliber tidak akan terlibat di dalam kegiatan jenayah ini. Walau bagaimanapun, adakah pihak Yang Berhormat membuat siasatan setakat manakah ahli-ahli farmasi yang terlibat di dalam masalah penjenayahan ubat palsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi sebelum saya mengakhiri ucapan saya iaitu mengenai pembatalan daftar. Apakah kriteria yang akan digunakan oleh pihak kementerian sebelum pembatalan dilakukan? Sama ada kriteria yang ada sekarang akan diubahkan secocok dengan perkembangan zaman dan seterusnya dapat mengadakan satu kriteria pembatalannya yang lebih adil dan lebih saksama, sebab kita tidak mahulah menyaksikan ahli-ahli farmasi yang layak, yang tidak melakukan

kesalahan dapat disalahkan, dapat dibatalkan pendaftarannya tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tambun.

4.15 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ke atas Akta Farmasi yang dibentang oleh Menteri sebentar tadi. Saya ingin menyentuh secara ringkas sahaja. Pertama saya bersetuju pengawalan ketat ke atas kegiatan farmasi supaya etika kerjanya memberi faedah kepada kepentingan rakyat. Terutama sekarang rakyat mempunyai kesedaran yang begitu tinggi ke atas kesihatan. Dalam kajian saya, terdapat farmasi-farmasi yang tidak mengikut etika. Saya bersetuju terdapat farmasi yang mana ahli farmasinya bertindak selaku pakar perubatan, terutama dalam membuat siasatan tentang penyakit darah tinggi dan kencing manis, mereka mempunyai alat untuk membuat siasatan tersebut, dan kemudian memberi ubat tanpa pesakit pergi mendapat rawatan doktor ataupun mendapatkan prescription daripada doktor. Dan ini tentunya akan mendatangkan kesan-kesan yang tidak baik dan buruk kepada pesakit. Sekiranya farmasi tersebut dibiarkan bertindak demikian, ia tidak akan menjaga kepentingan rakyat.

Terdapat sekarang satu kecenderungan rakyat tidak begitu berminat bertemu dengan doktor. Mereka rasa lebih mudah pergi ke farmasi yang mereka kenal dengan ahli farmasinya dan terus mengambil ubat tanpa melibatkan doktor. Saya berharap bahawa perkara ini akan diberi perhatian oleh pihak kementerian sebelum ia merebak dengan lebih luas lagi.

Satu perkara, dalam industri farmasi, dari segi pengedaran ataupun distribution outlet, ia terbahagi kepada dua saluran. Satu, hospital dan klinik kerajaan, dan yang keduanya pihak swasta. Di dalam sektor swasta terdapat tiga pihak yang terlibat dalam bidang pengedaran ubat-ubatan, iaitu klinik swasta, sinseh dan juga farmasi. Akta ini menyentuh tentang mereka yang terlibat dalam bidang farmasi. Tetapi kalau kita dapati sebahagian daripada industri ubat-ubatan ini dikuasai oleh sinseh, iaitu pusat ataupun kedai perubatan tradisional. Tetapi dalam kedai-kedai tersebut terdapat juga ubat-ubatan moden dijual. Saya percaya sinseh ini tidak mempunyai qualification atau kelayakan untuk mereka mengedarkan ubat-ubat tersebut.

Saya percaya bahawa pihak kementerian patut memberi perhatian kepada kegiatan sinseh ini, kerana mereka mempunyai peranan yang besar bukan sahaja di kalangan masyarakat Tionghua, tetapi juga di kalangan masyarakat Melayu. Banyak orang yang suka pergi bertemu dengan sinseh kerana begitu mudah, dia menggunakan perubatan secara tradisional, melihat kepada konsep 'Ying dan Yang', menggunakan tangan dan seterusnya memberi ubat. Sama ada ubat tersebut efektif atau tidak, kita tidak ketahui, jadi saya berharap kementerian akan lihat kepada perkara tersebut.

Satu lagi perkara, saya difahamkan sejak beberapa tahun lalu Persatuan Farmasi ada meminta kerajaan supaya diasingkan antara klinik dengan farmasi, di mana klinik akan menetapkan prescription ubat, manakala farmasi menjual. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah langkah-langkah yang akan diambil, adakah kerajaan bercadang untuk memenuhi kehendak Persatuan Farmasi sepertimana yang berlaku di negara-negara maju.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengingatkan kepada kementerian perkara-perkara yang mungkin timbul sekiranya kementerian meluluskan konsep ini dilaksanakan di negara kita. Pertama, kita dapati bahawa farmasi bergiat pada waktu kerja di antara pukul 9 hingga pukul 5. Ini akan menyusahkan kepada pelanggan

selepas pertemuan dengan doktor pada waktu malam misal pada pukul 9 dan kemudian hendak membeli ubat farmasi tutup pada waktu itu. Keduanya, masalah sebahagian besar farmasi terletak di kawasan bandar dan amat jarang sekali kita dapati farmasi di kawasan luar bandar. Ketiga, masalah kos. Kalau kita lihat daripada kos ubat-ubatan sejak beberapa tahun lalu, ia meningkat kepada kadar hampir 10% setahun dari segi kenaikan kos.

Jikalau kita mengadakan sistem sepertimana yang saya katakan tadi, doktor akan mengenakan fee consultancy dan kemudian pelanggan akan pergi ke farmasi untuk membeli ubat dan ini tentunya akan meningkatkan lagi kos kesihatan rakyat. Yang keempatnya, kita menghadapi kekurangan ahli-ahli farmasi. Saya difahamkan dalam sektor kerajaan sendiri pun 50% daripada kekosongan tidak dapat diisi oleh kerana kekurangan tersebut. Sekiranya kita membuat sistem yang saya nyatakan tadi, tentunya kita tidak mempunyai farmasi swasta yang mencukupi untuk memenuhi permintaan pelanggan-pelanggan.

Perkara yang terakhir yang ingin saya sentuh tentang masalah amalan kesihatan. Pihak kementerian ada mengadakan kempen untuk meningkatkan kesihatan rakyat. Masalah yang saya lihat sekarang antara sebab kita menghadapi masalah kesihatan adalah dari segi masalah pemakanan kita. Antara punca masalah pemakanan adalah bahan makanan itu sendiri. Sekarang kita dapati ikan yang diimport terutamanya daripada negara Thai mengandungi formaldehyde, iaitu preserving agent yang digunakan di bilik mayat supaya mayat tahan lama. Bahan ini digunakan supaya ikan dapat tahan lama. Kesan daripada bahan ini, ia boleh mengakibatkan kepada penyakit kanser hati dan juga gastric. Kalau hati kita tidak berfungsi secara normal, ia akan mengakibatkan jantung kita tidak berfungsi secara normal dan juga pengaliran darah kita tidak berjalan dengan baik. Jikalau individu menghadapi penyakit kanser hati, individu itu akhirnya akan mati.

Kita juga maklum tentang masalah ayam yang mempunyai bahan nitrofurin yang juga boleh mengakibatkan kepada penyakit kanser. Walaupun dari segi kawalan bahan-bahan makanan ini mungkin bukan di bawah Kementerian Kesihatan, tetapi oleh kerana ia membawa kesan kepada kesihatan rakyat dari segi masalah kanser dan dari segi masalah gastric yang kita dapati sekarang meningkat. Saya sendiri pun bila umur saya lebih 40, doktor nasihat supaya kurang makan daging dan makanan-makanan yang mengandungi kolestrol tinggi, saya makan ikan dan sayur. Sekarang sudah ada gastric. Saya rasa sebabnya masalah bahan formaldehyde ini yang ada pada ikan untuk menjaga ketahanan ikan yang diimport daripada negara luar, terutama daripada Thailand.

Saya berpendapat Kementerian Kesihatan yang sepatutnya bertanggungjawab. Kalau dikawal oleh kementerian lain pun, Kementerian Kesihatan mesti berjuang supaya makanan yang boleh mengakibatkan kepada penyakit kanser dan penyakit lain ini mesti diharamkan, dan peranan ini mesti dilakukan oleh Kementerian Kesihatan. Saya berharap bahawa Kementerian Kesihatan ada satu ruangan di dalam akbar-akhbar untuk memberi nasihat tentang kesihatan dari segi ikan ini tidak boleh dimakan kerana ada bahan-bahan tertentu, sayur ini tidak boleh dimakan kerana ada chemical tertentu dan sebagainya supaya kita sebagai rakyat akan mendapat perlindungan yang baik daripada kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

4.24 ptg.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Tambun yang berminat dalam aspek-aspek yang ada berkaitan dengan industri dan profesion ahli farmasi.

Mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya hendak memberikan jaminan, iaitu kuasa-kuasa yang diberikan kepada menteri akan digunakan dengan sepatutnya. Jangan bimbang dalam perkara ini. Semua kuasa yang digunakan dan diberikan melalui rang undang-undang ini kepada menteri akan digunakan selepas nasihat-nasihat yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan.

Mengenai hujah Yang Berhormat dari Kepong, iaitu penduduk-penduduk Malaysia yang sekarang mirip kepada mengubati diri sendiri, sebenarnya pada masa kini saya tidak ada apa kajian yang telah dijalankan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Saya terima dengan baik, iaitu kajian dijalankan agar kita dapat satu gambaran yang lebih jelas mengenai self education yang dibuat oleh penduduk-penduduk Malaysia. Tetapi pada hemat saya tugas ini yang lebih baik dijalankan oleh universiti-universiti yang mempunyai pakar untuk membuat kajian yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ubat-ubat yang digunakan oleh penduduk-penduduk Malaysia ada satu point yang saya hendak kemukakan, iaitu walaupun dalam masa tertentu di mana pesakit itu bukan satu penyakit mild, dengan izin, kita minta mereka pergi ke doktor. Ini satu nasihat yang perlu diikuti oleh penduduk-penduduk Malaysia. Tetapi kita juga ada penyakit-penyakit yang boleh diubati oleh penduduk-penduduk kita. Umpamanya, kalau seorang batuk, ada seorang yang menghidap selsema yang tidak serius atau tenat, mereka boleh mengubati diri sendiri, sama ada melalui ubat-ubatan tradisional atau ubat-ubatan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang pharmaceutical.

Oleh kerana ada kebanyakan penyakit yang dideskripsikan sebagai 'self-healing', umpamanya kalau selsema, pada masa ini selsema kita tahu, kita dijangkiti melalui virus seperti yang kita katakan tadi, virus Coxsackie ialah enterovirus. Dan untuk kebanyakan virus yang dikenali oleh manusia hanya satu, dua sahaja termasuk polio yang dapat diubati, ada vaksin dan boleh dirawat directly, secara langsung. Tetapi untuk majoriti yang besar tidak ada ubat untuk merawatnya, umpamanya tadi saya cakap seperti Coxsackie, hemorrhagic dengue fever, HIV, selsema, semua disebabkan oleh virus.

Dan untuk penyakit yang lebih tenat seperti penyakit myochorditis yang diakibatkan oleh enterovirus, kita minta mereka pergi ke doktor dengan serta merta, pergi ke hospital dengan serta merta untuk memperolehi sokongan klinikal oleh pakar-pakar.

Umpamanya mereka menghadapi komplikasi jantung, kita memberikan rawatan untuk jantung, untuk memperkuat jantung daripada serangan. Tetapi tidak ada ubat untuk mengubati enterovirus.

Jadi, kita kembali kepada soalan selsema. Selsema tidak boleh diubati, hanya kalau demam kita memberikan ubat untuk meredakan demam. Oleh kerana itu, terpulanglah kepada pesakit-pesakit yang tidak tenat untuk mengubati sendiri mengenai ubat batuk yang dijual oleh farmasi yang menggunakan panadol atau aspirin untuk meredakan demam dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Datuk Chua Jui Meng: Saya belum habis lagi Yang Berhormat.

Di Indonesia, saya baru balik daripada satu misi kesihatan ke Indonesia dan saya diberitahu oleh bapak Menteri Kesihatan di Indonesia, Profesor Dr. Suyudi sekarang dia ada satu konsep Toga. Toga iaitu tanaman obat-obatan (dia kata 'o' ya) tradisional keluarga. Di mana Kementerian Kesihatan di Indonesia menggalakkan

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Chua Jui Meng: Belum lagi!

.... penduduk-penduduk di negara Indonesia untuk menanam herba-herba yang boleh digunakan sebagai ubat tradisional yang telah diwarisi oleh orang-orang Indonesia sejak turun menurun.

Di Malaysia juga kita ada ubat-ubat tradisional yang boleh mengubati penyakit yang tidak kritikal atau tenat. Dan ini telah ditunjukkan melalui pengamalan dan amalan manusia sejak turun temurun ia berkesan, walaupun kita tidak ada asas saintifik yang boleh mengatakan kenapa ia berkesan? Tetapi ia berkesan untuk manusia, untuk mengubati diri.

Dengan itu, itulah jawapan saya, tetapi ...

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Chua Jui Meng: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan tambahan, saya mengakui bahawa ada

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan tambahankah ataupun hendak minta penjelasan? [*Ketawa*] Keliru pula Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Penjelasan. Ekoran daripada soal jawab tadi, kerana jawapan tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya bersetuju bahawa memang ada 'fringe medicine', ada ubat tradisional yang baik dan sama ada selsema ataupun batuk ataupun penyakit yang lain, yang tidak serius, saya bersetuju kebanyakan tidak perlu berjumpa doktor juga kerana penyakit itu ringanlah. Tetapi yang saya maksudkan itu bukan penyakit ringan, penyakit yang lebih serius dan juga yang saya maksudkan ialah ubat-ubat yang dijual sama ada herba-herba, kita mesti memastikan herba itu baik sama ada herba 'toba' atau 'bato' atau apa-apa pun sahajalah, kita memastikan, menentukan herba ini tulen. Bukan herba yang mengandungi racun yang lain kerana banyaklah racun impurity dan masalah kita ini walaupun Yang Berhormat Menteri di dalam Kementerian Kesihatan ada usaha untuk memastikan semua herba ini, herba yang baik yang bermutu tinggi tetapi yang pertama, kakitangan di kementerian itu tidak mencukupi untuk menjalankan tugas seumpama ini.

Yang kedua, sistem kawalan itu, masih boleh disempurnakan lagi, cuba beri Dewan yang mulia ini tahu, setakat mana pihak kementerian dapat memastikan semua bekalan herba sama ada herba tempatan ataupun herba yang di import semua itu bermutu tinggi dan tidak mempunyai racun. Mungkin mustahil untuk dijamin di dalam Dewan yang mulia ini, sebab itu kita mesti mengkaji bagaimana untuk melakukan sistem 'toba' ataupun 'bato' ataupun 'totoba' atau apa sahajalah.

Kita dapat memastikan rakyat Malaysia ini menggunakan ubat yang baik. Yang saya maksudkan tadi, bukan penyakit untuk fringe medicine bagi penyakit yang ringan tetapi penyakit yang serius ataupun lebih serius daripada selsema di mana bagi perasaan sahaja tidak ada bukti. Peratusan self-medication tinggi bukan rendah, sangat tinggi dan kalau kita hendak memperbaiki mutu perkhidmatan perubatan dan farmasi, pihak kementerian mesti mengambil tindakan daripada awal lagi untuk mengetahui setakat mana self-medication ini berlaku di Malaysia ini.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong terbingung sedikit, ini bukan 'toba', ini 'Toga'. Toba itu Lake Toba. [*Ketawa*] Itu berlainan. Mungkin ini semua akibat dari ubat-ubat yang dimakan oleh Ahli Yang Berhormat yang mempunyai kesan-kesan sampingan yang

teruk. *[Ketawa]* Datanglah ke hospital Kementerian Kesihatan, kita memberikan rawatan yang sebaik-baiknya kepada Ahli Yang Berhormat .

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pandangan Ahli Yang Berhormat kalau penyakit itu tenat atau lebih serius daripada yang ringan, saya minta mereka pergi ke hospital ataupun pergi ke doktor. Lebih baik pergi ke doktor selain daripada Ahli Yang Berhormat, mungkin Ahli Yang Berhormat sebagai pakar, kosnya terlalu tinggi, oleh kerana itu dia suka mengubati diri daripada berjumpa Ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, semua jawapan tadi atau soalan telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri iaitu ubat-ubat tradisional di Malaysia mesti didaftarkan dengan 'Drug Control Authority', mesti didaftarkan seperti yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan kalau ia tidak didaftarkan maka ia tidak boleh dijual dalam pasaran.

Itulah satu undang-undang yang sudah lama digunakan di Malaysia ini, tetapi Ahli Yang Berhormat mungkin oleh kerana ubat yang dimakan tidak memerhatikan perkara ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua,

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ahli farmasi yang membekalkan ubat tanpa preskripsi doktor, farmasi boleh membekal ubat-ubatan mengikut peruntukan akta-akta seperti Akta Racun 1992 dan Akta Dadah Berbahaya 1952. Ada ubat yang dijadualkan di bawah Akta Racun perlu dipreskripsikan oleh doktor sebelum dibekalkan kepada pesakit.

Ada juga ubat-ubatan dijual oleh farmasi tidak perlu preskripsi daripada doktor, sebarang aduan terhadap farmasi boleh dikemukakan kepada kementerian untuk tindakan atau siasatan jika ubat itu mesti memperolehi preskripsi daripada doktor tetapi dibekalkan tanpa preskripsi, kita boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan mahkamah juga telah diambil ke atas seramai 42 ahli farmasi di bawah Akta Racun 1952 bagi tempoh 1990 sehingga 1997. Mereka telah didenda sebanyak RM30,000 oleh mahkamah yang mendengar kes mereka.

Mengenai ubat-ubat palsu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kajian telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan melalui diskusi dengan beberapa badan yang mewakili sektor swasta, umpamanya Malaysian Pharmaceutical Trade And Manufacturers Association Malaysia yang mewakili penjualan 80% daripada semua ubat-ubatan yang dijual di Malaysia dan dengan Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industry (MOPI) yang menguasai mungkin saki baki daripada peratusan yang saya sebutkan tadi.

Daripada perbincangan kami dengan mereka, mereka memberitahu Kementerian Kesihatan iaitu ubat-ubat palsu yang dijual di Malaysia adalah dalam tahap yang rendah, adalah kurang daripada 1%. Manakala bilangan produk yang ditiru merupakan 0.18% hingga 0.27% iaitu produk-produk yang ditiru adalah di dalam paras yang terkawal.

Perkara 15% yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak membaca surat khabar dengan teliti

atau mungkin surat khabar yang dibaca oleh Ahli Yang Berhormat salah quote saya dalam perkara ini, tetapi apa yang saya sebut dalam sidang akhbar itu ialah angka ini antara 6.8% pada tahun 1994 ke 15.5% pada tahun 1997 sehingga bulan Mei ialah berkaitan dengan produk yang mengandungi ingredient yang tidak betul atau produk yang mempunyai active ingredient yang kurang daripada apa yang telah didaftarkan dengan Drug Control Authority. Atau produk dengan kekurangan active ingredient dalam ubat itu atau produk yang mempunyai packaging yang tidak memberikan maklumat yang benar atau betul.

Ini tidak bermakna apa yang saya sebutkan itu ialah ubat-ubat tiruan. Saya telah menyebutkan ialah ubat yang telah didaftarkan dengan Drug Control Authority yang telah melanggar iaitu daripada aspek

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun sambil mengibarkan keratan akhbar*]

Datuk Chua Jui Meng: Duduklah Yang Berhormat, you make me nervous, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar.

Datuk Chua Jui Meng: Hee! Lompat sini, lompat sana, seperti apa ini?
[*Ketawa*]

Seorang Ahli: Katak.

Datuk Chua Jui Meng: Katakah? Oh, tidak! Minta maaf, bukan katakalah. Iaitu definisi kita tidak sama dengan definisi tiruan yang digunakan oleh orang ramai. Saya tidak katakan 15% ubat adalah ubat tiruan. Saya kata, ubat-ubat yang saya sebutkan ialah ubat yang telah didaftar dengan Drug Control Authority, yang tidak mengikut peraturan tertentu.

Saya kembali kepada subjek ini iaitu perbincangan dengan Malaysian Pharmaceutical Trade and Manufacturers Association, oleh kerana mereka mempunyai sumber tenaga manusia yang mencukupi untuk mengawasi keadaan-keadaan di seluruh negara. Oleh kerana ubat-ubat yang ditiru adalah ubat-ubat paten dan jenama yang telah dikeluarkan oleh MPTMA dan oleh kerana itu mereka mempunyai kepentingan dalam perkara ini dan mereka kata kepada saya iaitu daripada 25,000 premis yang menjual ubat di negara kita, termasuk farmasi, kedai runcit, gerai-gerai, pasaraya, kedai ubat Cina dan lain-lain menunjukkan hanya 230 premis terlibat dalam jualan ubat tiruan. Ini membayangkan hanya sebanyak 0.92% premis menjual ubat dalam negara ini terlibat dalam jualan ubat tiruan. Premis-premis ini biasanya adalah kedai-kedai atau gerai-gerai yang kecil yang digelarkan oleh pihak industri sebagai 'holes in the wall'.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industry (MOPI) yang banyak mengeluarkan ubat-ubat generic di negara kita menyatakan kepada Kementerian Kesihatan, oleh kerana ubat-ubat generic pada umumnya adalah ubat yang murah - ia bukan ubat paten atau jenama di mana harganya amat tinggi - kosnya rendah. Oleh kerana kosnya rendah, ia tidak mempunyai masalah tiruan oleh kerana not worth it for the peniru untuk meniru ubat-ubat generic.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun Yang Berhormat berikhtiar untuk menjawab soalan saya, saya tidak mengatakan apa yang tidak disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri. Misalnya kenyataan di dalam *Utusan Malaysia* - 15.5% ubat-ubatan yang dijual dalam pasaran adalah palsu. Ini digunakan 'palsu'. Kalau ini tidak benar, mengapa Yang Berhormat tidak keluarkan kenyataan

hari yang kedua? Ini 21 Jun tetapi pada 22 dan 23 haribulan saya tidak nampaklah ada penafian atau penyangkalan. Ini bermakna Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang tersiar di dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan akhbar yang lain. 'Palsu' dan saya faham apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kerana tidak mengikut peraturan dan ingredient itu tidak seperti yang disebutkan. Saya faham tetapi ini sangat tinggi. Kalau ikut angka Yang Berhormat pun terlampau tinggi - 15.5% tetapi nampaknya walaupun tidak ada bukti yang cukup sekarang turun kepada 0.1% atau 1% sahaja. Apa buktinya? Tunjukkan kepada pihak Dewan Rakyat apakah buktinya, cuma diskusi-diskusi dengan MOPI sahaja tidak cukup. Itu bukan bukti, boleh dikatakan rethoric sahaja. Tidak ada bukti dan saya tidak mempertikaikan masalah generic dan masalah proprietary ataupun trade product.

Walaupun saya tidak suka generic tetapi kita perlukan generic, generic kosnya rendah tetapi pihak kementerian mesti memastikan semua generic yang dijual ini mempunyai tahap dan mutu yang tertentu. Itu mesti dibuat dan kalau tidak silap saya ada sebahagian ubat yang digunakan oleh pihak kementerian di hospital-hospital kerajaan adalah generic. Sebahagian besar darinya, bukannya kecil tetapi kita mesti memastikan semua generic ini mempunyai mutu yang tinggi. Itu mesti dibuat dan setakat ini pun cara yang digunakan oleh pihak kementerian, bagi sayalah, tidak mencukupi untuk memastikan ubat generic ini adalah bermutu tinggi dan yang kedua, bagi herba-herba, pihak kementerian tidak boleh memberi jaminan kepada rakyat bahawa semua herba yang diimport ini adalah berkeadaan baik dan bermutu tinggi. Bukan sahaja yang diimport, yang dibuat di negara sendiri pun saya percaya pihak kementerian mungkin tidak mempunyai kaedah yang cukup untuk mengawal semua mutu ubat-ubat herba yang keluar di tempatan dan juga diimport adalah mencapai tahap yang tinggi. Itu masalah yang Yang Berhormat mesti mengkaji dengan teliti.

Datuk Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengatakan tadi dia sudah faham apa yang saya katakan. Jarang saya dengar perkataan-perkataan yang baik daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya amat kesal dengan kata-kata yang dilafazkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dia tidak suka kepada ubat generic. Saya tahu kenapa Yang Berhormat tidak suka kepada ubat generic, oleh kerana ubat generic boleh diperolehi secara mudah, kebanyakan produk generic dikeluarkan oleh kilang-kilang di Malaysia mengikut 'good manufacturing practice', mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan oleh Kementerian Kesihatan dan oleh kerana itu kosnya lebih rendah daripada produk-produk jenama atau produk-produk.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menggayakan kedua-dua tangan]*

Datuk Chua Jui Meng: Apa ini Yang Berhormat? Apa yang Yang Berhormat tunjuk ini? Seperti monyet, kaki tangan semua naik ini. Very distracting!

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Datuk Chua Jui Meng: Duduklah Yang Berhormat. Ubat yang dimakan itu ada masalahlah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Apa yang saya kata tadi? Saya terkeliru dengan aktiviti-aktiviti Yang Berhormat itu. Kita pada masa ini oleh kerana Yang Berhormat dari Tambun pun ada mengatakan, kita khuatir kos ubat-ubat di negara kita naik dan Kementerian Kesihatan telah membuat keputusan iaitu menggalakkan orang-orang kita menggunakan ubat-ubat generic daripada ubat jenama yang paten di mana kos itu amat tinggi untuk mengurangkan kos ubat-ubatan di Malaysia. Faham Yang Berhormat?

Oleh kerana ada sebilangan pakar yang lebih suka mempreskripsikan ubat jenama dan paten oleh kerana ia boleh kenakan bayaran yang amat tinggi.

Dr. Yap Yit Thong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Lumut bangun.

Datuk Chua Jui Meng: Ah! Lumut. Ya, kawan saya ini.

Dr. Yap Yit Thong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan. Saya difahamkan di negara seperti Australia, ubat digunakan oleh kerajaan lebih kurang 80%, ianya pun generic product. Saya ingin tahu di kementerian kita di seluruh Malaysia berapa peratus ubat-ubat digunakan oleh kerajaan terdiri daripada generic product?

Datuk Chua Jui Meng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada angka yang terperinci tetapi kebanyakan - the vast majority of ubat-ubatan dalam buku biru (blue book) yang digunakan di Kementerian Kesihatan adalah ubat-ubat generic. Kalau tidak salah amat tinggi lebih daripada 90% adalah ubat-ubat generic oleh kerana cara dan kaedah ini adalah amat rasional untuk negara seperti kita untuk mengawal kos ubat-ubat tinggi seperti yang direkomenkan oleh Yang Berhormat dari Kepong untuk memperkayakan diri sendiri menggunakan ubat jenama atau ubat paten yang dikuasai oleh multinational corporation daripada Barat. Kita tidak keluarkan ubat-ubat paten dan jenama oleh kerana semua ini dikuasai oleh Barat tetapi bila masa patennya sudah tamat, kita ada hak untuk memperkilangkan ubat-ubat yang bekas paten. Oleh kerana kita boleh keluarkan ubat itu, kita dapat mengurangkan kos dengan jelas tetapi daripada kesan 'pharmacology'nya, ia ada bersamaan dengan ubat asal atau ubat jenama oleh kerana bahan-bahan aktif yang digunakan dalam ubat generic adalah berasaskan daripada resepi ubat paten yang sekarang telah dibebaskan untuk dikilangkan oleh negara-negara yang sedang maju seperti Malaysia.

Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong bangun.

Datuk Chua Jui Meng: Ada lagi? Oh, hebat hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri sengaja tidak mahu menjawab soalan saya. Kita mesti mengurangkan kos dan mengeluarkan ubat-ubat, kalau boleh dengan sendiri tetapi kita perlu ada kaedah untuk memastikan semua ini adalah tahap tinggi. Misalnya Yang Berhormat, kalau tidak percaya kepada apa yang disebutkan, kita boleh bandingkan. Ini paten, itu generic. *[Menggayakan tangan]* Kadangkala, generic itu bermutu tinggi, kita tengok! Tidak payah kita letakkan yang ini, buanglah itu letakkan di muka meja sahaja, dengan ini sahaja kita tahu ini lebih tinggi mutunya. Kadangkala kita dapati generic itu memang tidak boleh tahan, picit sedikit sahaja ia sudah hancur. Ini menunjukkan mutunya tidak tinggi.

Sebab itulah, walaupun Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu ada ikut peraturan di dalam kesihatan tetapi kawalselia itu tidak cukup untuk memastikan semua ini mencapai tahap yang tertentu. Tidak! Tetapi kita mesti balik ke kementerian untuk mengkaji bagaimana kita boleh mempertingkatkan kawalannya, bukan setakat ingin hendak kurangkan kos sahaja tetapi ingin mengekalkan mutu.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ubat generic yang digunakan oleh Yang Berhormat dari Kepong yang mudah hancur itu ubat tiruan yang digunakan tetapi saya hendak katakan kepada Yang Berhormat, semua ubat pharmaceutical, tidak kira paten, jenama atau generic mesti dikaji dengan kaedah yang sama. Kita dalam Drug Control Authority membuat tiga kajian atas semua ubat pharmaceutical iaitu berkualiti berasaskan kepada 'good manufacturing practice' - mengikut pengiktirafan World Health Organisation - okay! Yang pertama.

Yang kedua, ia selamat digunakan oleh manusia - tidak ada bahan-bahan yang boleh membahayakan manusia. Kriteria dan syarat yang ketiga ialah ia perlu berkesan - the effectiveness must be showed. Ketiga-tiga syarat ini telah memperlindungan pesakit-pesakit di Malaysia. Untuk ubat tradisional, kita kenakan dua syarat. Yang pertama, ia berkualiti mengikut 'good manufacturing practice'. Yang kedua, ia selamat digunakan. Umpunya tidak ada steroid, tidak ada heavy metals terkandung dalam ubat tradisional itu yang mungkin boleh menjejaskan kesihatan manusia ataupun pesakit. Hanya kita tidak kenakan kriteria yang ketiga iaitu sama ada ia berkesan atau tidak yang dikenakan kepada ubat-ubat pharmaceutical. Itu sahaja tetapi mutu, kualiti mesti terjamin mengikut kajian dan ujian yang dibuat oleh Drug Control Authority di bawah kuasa Kementerian Kesihatan. Okay, cukup?

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Chua Jui Meng: Cukuplah! Lepas ini dapat degree ya, university degree! Cukuplah Yang Berhormat. Ah! Mana saya sekarang? Mengenai ubat palsu, habis. Mengenai ahli farmasi yang jual ubat tiruan, kalau mereka jual ubat tiruan itu satu percanggahan dengan kod etika dan undang-undang di negara ini dan membawa implikasi yang amat berat termasuk juga pembatalan pendaftarannya di dalam daftar ahli farmasi di Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada ucapan Yang Berhormat dari Tambun yang khuatir mengenai kos, antara lain, kos ubat-ubat di Malaysia. Yang Berhormat, perkara ini pernah diheboh-hebohkan dalam media massa pada tahun lalu dan saya telah mengeluarkan penjelasan mengenai perkara ini, iaitu mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Peniaga dan Pengilang Pharmaceutist Malaysia (MPTMA) menunjukkan bahawa kenaikan harga purata tahunan bagi empat tahun mulai 1992 sehingga 1996 hanyalah 3.4% setiap tahun. Dan kenaikan harga purata bulanan bagi enam bulan - itu tidak payahlah.

Yang kedua, angka-angka juga menunjukkan iaitu mengikut laporan dari IMS South East Asia Review, pada tahun 1994 menunjukkan Malaysia di tangga kedua terendah di rantau ini dari segi penggunaan pharmaceutical per kapita, iaitu RM30.50 untuk Malaysia berbanding dengan Singapura RM106.95, Taiwan RM161.39 dan Korea Selatan RM211.17. Laporan IMS South East Asia Review amat jelas dalam perkara ini, iaitu kos ubat-ubatan yang digunakan oleh rakyat Malaysia adalah dalam paras yang terkawal.

Mengenai dispensing right, ini adalah satu perkara yang sentiasa dibahaskan antara pengamal perubatan dan ahli farmasi. Kita di Kementerian Kesihatan sedar dan bersetuju pada prinsipnya hak mendispense atau mempreskripsi ubat ini harus diberi kepada profesion farmasi supaya mengasingkan tugas mempreskripsi dan tugas mendispense. Sistem amalan ini akan membolehkan pesakit bermanfaat daripada perkhidmatan kedua-dua profesion perubatan dan farmasi, iaitu doktor dan ahli farmasi. Akan tetapi kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan sistem seperti ini dilaksanakan dengan pendekatan praktikal dan sistematik dan realistik. Hak mendispense ubat diberi kepada ahli farmasi sahaja masih belum dilaksanakan setakat ini atas sebab-sebab berikut:-

- (i) Negara kita masih menghadapi kekurangan ahli farmasi untuk melaksanakan sistem mendispense ubat ini. Nisbah pengamal ahli farmasi kepada penduduk sekarang adalah 1 ahli farmasi kepada 11,000 penduduk berbanding dengan 1 doktor untuk 2,000 penduduk.
- (ii) Jika dibandingkan dengan negara yang melaksanakan amalan mendispense ubat oleh ahli farmasi sahaja seperti United Kingdom, mereka mempunyai nisbah 1 untuk 4,300 penduduk. Oleh kerana itu, pada masa kini kita tidak

bercadang untuk mengasingkan tugas mempreskrip dan mendispense untuk doktor-doktor pengamal perubatan di negara ini. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dipertimbangkan lagi oleh Kementerian Kesihatan sebaik sahaja kita memperolehi ahli farmasi yang mencukupi untuk menjalankan tugas yang sekarang dijalankan oleh pengamal perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai universiti-universiti yang telah diiktirafkan oleh Kementerian Kesihatan khasnya Indonesia, pada masa kini kita telah mengiktirafkan Ijazah Farmasi daripada 50 buah universiti luar negara - 58 universities. Yang terbanyak sekali ialah daripada United Kingdom. United Kingdom kita telah mengiktirafkan sebanyak 17 buah universiti, Australia 7 buah universiti, Indonesia yang ditanyakan tadi kita sudah mengiktirafkan 3 buah universiti iaitu Institut Teknologi Bandung, Universiti Gajah Mada dan Universiti Ayer Langgar, Surabaya - 3 buah universiti berbanding dengan 11 buah universiti yang kita iktirafkan untuk kursus atau jurusan perubatan. Selain daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi, kita mengiktirafkan juga universiti daripada Arab Saudi, daripada Kanada, daripada Iraq, Ireland, Jepun, New Zealand, Republik Arab, Singapura, Turki dan Amerika Syarikat. Untuk Amerika Syarikat, kita telah mengiktirafkan 10 buah universiti di Amerika Syarikat.

Mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tambun, kita ambil perhatian iaitu ahli-ahli farmasi yang mengeluarkan preskripsi tanpa dibenarkan di bawah peruntukan undang-undang, tindakan akan diambil ke atas mereka.

Mengenai singse-singse yang menguasai dan menjual bahan-bahan pharmaceutical yang tidak diizinkan, jawapannya sama diberikan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahajalah semua perkara yang ditimbulkan dan sekali lagi saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong dan Tambun. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 -

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, cuma Fasal 7 mengenai Lembaga:

“18A. (1) Lembaga boleh, pada akhir suatu siasatan di bawah seksyen 13(7) atau seksyen 17(1), mengenakan mana-mana daripada hukuman yang berikut:

- (a) memerintahkan supaya nama ahli farmasi berdaftar atau pertubuhan perbadanan itu dikeluarkan dari daftar;

- (b) memerintahkan supaya nama ahli farmasi berdaftar atau pertubuhan perbadanan itu digantung dari daftar selama tempoh yang difikirkannya patut;"

Ini memang 'tempoh yang difikirkannya patut'. Adakah satu kriteria yang telah pun digariskan oleh pihak kementerian di mana apa yang dianggapkan 'patut' itu mungkin satu tahun, dua tahun, tiga tahun. Memang ada kriteria yang digunakan oleh pihak kementerian. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sebab saya tidak faham apa maksud 'patut', satu hari pun patut juga, dua hari pun patut juga?

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Pengerusi, sepertimana yang dipraktikkan dalam mahkamah di mana kuasa telah diberikan kepada mahkamah untuk mengenakan satu hukuman secara amnya. Kita juga memberikan kuasa dan budi bicara kepada majlis ini atau Lembaga Ahli Farmasi untuk mengenakan hukuman yang sewajarnya. Kita percaya kepada kebolehan Lembaga Ahli Farmasi ini, mereka ada kepakaran yang tinggi, mereka faham juga dengan mendalam industri farmasi. Dan berasaskan kepada faktor-faktor kes itu, mereka diberi budi bicara untuk mengenakan hukuman yang setimpal dengan fakta-fakta kes kesalahan itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada satu lagi bagi saya yang kurang jelas mengenai Fasal 7, 18A (2):-

"18A. (2) Lembaga boleh juga, pada akhir siasatan yang tersebut dalam subseksyen (1) -

- (a) memerintahkan ahli farmasi berdaftar atau pertubuhan perbadanan itu membayar kos kepada Lembaga atau pengadu jika suatu perintah di bawah mana-mana perenggan dalam subseksyen (1) dibuat;"

Bayaran kos ini kepada Lembaga atau pengadu. Yang pertama, apakah rasional untuk pembayaran kos ini? Yang kedua, siapa yang menetapkan kos ini? Sebab tidak disebutkan di dalamnya apakah kos yang dibayar oleh pihak ahli farmasi berdaftar dan juga (b):-

- "(b) memerintahkan pengadu membayar kos kepada ahli farmasi berdaftar atau pertubuhan perbadanan itu jika tiada kes telah dibuktikan terhadap ahli farmasi berdaftar atau pertubuhan perbadanan itu,"

Saya sebutkan hal ini kerana biasanya kita sebutkan penalti sekian-sekian banyak ataupun akan dibicara sekian-sekian bulan, tetapi ini disebutkan 'membayar kos' sahaja dan bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan?

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Pengerusi, peruntukan kos ini kita tidak memperjelaskan dalam rang undang-undang ini. Ini lebih sesuai untuk digariskan di bawah peraturan-peraturan yang akan digazetkan di bawah pindaan yang dibuat pada hari ini. Hanya kos seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat kalau Lembaga itu berpendapat iaitu sesuai sewajarnya untuk pengadu membayar kos atas tuduhan-tuduhan yang telah ditolak oleh Lembaga dan Lembaga mungkin menganggap kes ini tidak substantive, tidak berasas dan patut tidak dibawa kepada Lembaga atas aduan daripada pengadu dan oleh kerana itu dia mengenakan sebagai kos penalti mesti dibayar oleh pengadu kepada Lembaga atau kepada yang diadu.

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUKAN 1997**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.15 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Pembangunan Sukan 1997 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa sukan di negara ini mempunyai peranannya yang tersendiri dalam membangunkan sebuah negara yang maju di mana rakyatnya terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya dapat hidup dalam suasana harmoni, aman dan damai. Peranan ini mungkin tidak ketara di negara-negara lain di mana aspek kesihatan rakyat serta penonjolan imej negara mungkin merupakan aspek yang lebih utama bagi mereka.

Negara kita meletakkan ketiga-tiga aspek ini sebagai sasaran yang perlu dan boleh dicapai melalui sukan. Saranan ini telah pun termaktub dalam Dasar Sukan Negara yang telah pun diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1988. Pihak kerajaan juga menyedari di atas pentingnya peranan sukan ini dan selaras dengan itu menubuhkan sebuah agensi yang bertanggungjawab dengannya pada tahun 1964. Walau bagaimanapun kita seharusnya menyedari hakikat bahawa kegiatan sukan di negara ini bermula daripada gerakan sukarela oleh mereka yang berminat melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan.

Majlis Olimpik Malaysia ditubuhkan pada tahun 1953 oleh mereka yang menyedari akan kepentingan sukan serta penyertaan atlet-atlet negara dipertandingan antarabangsa. Dengan tertubuhnya Majlis Olimpik ini, maka negara kita berjaya menyertai Sukan Olimpik di Melbourne Australia pada tahun 1956. Ini bermakna organisasi yang bersifat sukarela wujud lebih dahulu daripada organisasi kerajaan dalam mengendalikan hal-hal sukan. Seperti yang telah pun saya nyatakan bahawa kegiatan sukan di negara ini dilaksanakan dengan berlandas kepada semangat kesukarelaan oleh mereka yang terdahulu dan ini pada hemat saya perlu dikekalkan untuk masa-masa yang akan datang.

Pada masa dahulu sukan diuruskan oleh kelab-kelab dan persatuan yang semuanya bergerak secara sukarela. Kalau kita lihat dalam sukan badminton, banyak kelab ditubuhkan untuk menguruskan latihan dan pertandingan sama ada di antara kampung, kelab ataupun persatuan, semua ini bergerak di atas daya usaha individu atau kumpulan yang bergabung secara sukarela di atas tujuan yang sama. Pada masa itu tidak ada bantuan daripada kerajaan kerana kementerian yang bertanggungjawab mengenai sukan hanya ditubuhkan pada tahun 1964. Namun kekurangan ini dapat diatasi melalui komitmen yang ikhlas daripada semua yang terlibat tanpa mementingkan kedudukan sama ada dalam kelab atau persatuan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan atlet-atlet kita amat terserlah dibandingkan dengan kedudukan negara pada waktu itu. Sehingga sekarang kita masih mengingati nama jaguh-jaguh sukan negara yang telah pun berjaya dalam sukan masing-masing khususnya bagi sukan badminton dan bola sepak. Pencapaian atlet negara di pertandingan antarabangsa sudah tentu boleh dijadikan sebagai ukuran mutu sukan negara. Prestasi di Sukan SEA yang diadakan setiap dua tahun sekali sudah tentu boleh mengukur prestasi atlet kita, secara purata pungutan pingat emas negara di Sukan SEA adalah dalam lingkungan 10% daripada jumlah yang dipertandingkan.

Pada asasnya prestasi negara di Sukan SEA iaitu pertandingan yang terendah dalam siri pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa masih belum cemerlang dan pungutan pingat, khususnya pingat emas masih kurang menentu.

Selain dari sukan prestasi tinggi yang melibatkan sekumpulan kecil atlet yang terpilih, program sukan untuk semua juga penting dalam usaha untuk melibatkan rakyat secara lebih luas. Program Malaysia Cergas telah pun dilancarkan sejak tahun 1982, tetapi program ini masih belum dapat menerap ke urat nadi masyarakat kita. Aktiviti program ini belum lagi menjadi sebahagian dari gaya hidup rakyat negara ini, meskipun ia kian dirasakan di kalangan sebilangan anggota masyarakat khususnya di bandar-bandar. Meskipun aktiviti sukan yang dianjurkan di bawah program ini dianggap paling murah dan mudah dilaksanakan oleh sesiapa sahaja, tetapi ianya masih belum menjadi satu gerakan yang popular sama ada di hujung minggu ataupun di waktu-waktu lapang.

Di kebelakangan ini, Tuan Yang di-Pertua, terdapat peningkatan pencapaian atlet-atlet negara khususnya bagi acara-acara bowling wanita dan squash remaja, tetapi secara keseluruhannya kita belum boleh berbangga di atas prestasi atlet-atlet negara kita. Kadangkala kita tidak boleh mempertikaikan pandangan bahawa pencapaian sukan pada tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan lebih bertenaga daripada yang kita ada sekarang.

Seperti yang kita maklum kita kerap kali dihadapkan dengan permasalahan yang banyak, yang banyak mengambil masa untuk diselesaikan, yang mana lebih baik digunakan untuk tujuan-tujuan yang lebih konkrit. Krisis kepimpinan seperti yang telah pun berlaku pada Persatuan Olahraga Amatur Malaysia tidak berapa lama dahulu, masalah di antara Persatuan Badminton Malaysia dengan Kelab Profesional Nusa Mahsuri, masalah kehilangan rakan sukan yang berlaku bagi Persatuan Renang Amatur Malaysia kerana kepimpinannya yang kurang berkesan serta masalah dalaman yang berlaku dalam Persatuan Lawn Tennis Malaysia adalah beberapa contoh yang menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam mengatasi kemelut yang berlaku dalam memajukan sukan tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana negara yang kian maju, maka sukan perlu mampu menyesuaikan dengan keadaan masa supaya ianya terus relevan berada dalam arus kemajuan negara. Untuk membolehkan sukan memainkan peranan yang bermakna dalam membentuk rakyat dan negara Malaysia yang maju, maka pemikiran, penafsiran, pendekatan dan pelaksanaannya perlu dilihat semula. Berdasarkan kepada kekurangan yang kita alami sekarang saya mengesyorkan supaya satu reformasi dilakukan. Reformasi yang dicadangkan ini boleh dilaksanakan melalui bidang-bidang berikut:

- (i) kepimpinan kerajaan melalui penggubalan dasar yang menjadi arah tuju bagi kegiatan sukan negara ini;
- (ii) kepimpinan serta peranan penggerak sukan melalui persatuan ataupun kelab-kelab sukan yang bergerak di atas prinsip sukarela yang tulen;
- (iii) tanggungjawab sosial pihak korporat;
- (iv) penghayatan masyarakat melalui penglibatan yang aktif dalam kegiatan sukan; dan
- (v) komitmen para atlet dalam bidang masing-masing ke tahap yang paling cemerlang.

Tidak banyak negara di dunia ini yang mempunyai agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengenai sukan. Sebuah agensi telah pun ditubuhkan pada tahun 1964 dan seterusnya dua jabatan diwujudkan untuk menyelaraskan kegiatan sukan prestasi tinggi dan kegiatan sukan untuk semua. Umumnya kerajaan menyediakan peruntukan bagi membina kemudahan-kemudahan sukan dan membantu persatuan sukan menjalankan latihan bagi menyediakan atlet ke pertandingan antarabangsa. Lebih dari itu kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi membolehkan atlet negara

menyertai pertandingan antarabangsa. Bantuan-bantuan juga disediakan untuk melaksanakan program-program yang melibatkan penyertaan masyarakat yang lebih ramai.

Negara kita mengamalkan sistem pertengahan di mana organisasi sukan dan kerajaan sama-sama memberikan sumbangan. Tidak seperti di negara sosialis di mana segala-galanya diurus dan ditentukan oleh kerajaan. Tidak juga seperti di Amerika Syarikat di mana kerajaan tidak turut serta dan segala urusan sukan dikendalikan oleh organisasi sukan sendiri. Kedudukan di Malaysia ini sepatutnya menguntungkan sukan, kerana dua pihak iaitu pihak kerajaan dan juga bukan kerajaan terlibat dalam memajukan sukan. Namun demikian, kedudukan ini juga kerap kali menimbulkan suasana yang kurang menyenangkan kerana kerajaan hanya dianggap bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan kewangan sahaja dan dipersoalkan setiap kali ada usaha untuk mengambil tahu dan menentukan hala tuju pembangunan sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan pihak kerajaan dalam membangunkan sukan di negara ini terbahagi kepada dua iaitu membina infrastruktur sukan khususnya kemudahan-kemudahan seperti stadium dan gelanggang permainan dan aktiviti bantuan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan. Pihak kerajaan telah pun mengeluarkan bantuan-bantuan seperti bantuan pentadbiran pada Majlis Olimpik Malaysia sejak tahun 1968 sehingga sekarang ia berjumlah RM1,000,033 dan di samping itu juga sejak tahun 1985 hingga 1996 sejumlah RM4,808,109 telah pun dikeluarkan pada majlis berkenaan sebagai bantuan penyertaan kontingen negara ke Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.

Kementerian Belia dan Sukan juga telah pun menghulurkan bantuan sebanyak RM2 juta sebagai sebahagian daripada keuntungan penganjuran Sukan SEA '89 di samping geran membina bangunan Wisma Olimpik yang berjumlah RM6 juta. Sejak 10 tahun yang lalu iaitu 1986 hingga 1996, pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah membantu sebanyak RM18,557,334 bagi membiayai program latihan ke Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Sebanyak RM3,475,482 telah pun dikeluarkan bagi tempoh 1986-1996 bagi membantu persatuan-persatuan sukan kebangsaan untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan kebangsaan di peringkat terbuka dan remaja.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara juga telah pun menyediakan skim insentif yang menyediakan hadiah kewangan kepada pemenang-pemenang pingat di sukan-sukan temasya yang mula diperkenalkan pada tahun 1986. Sehingga ini sejumlah RM6,255,274.45 sen telah pun dibayar kepada pemenang-pemenang, jurulatih dan juga persatuan-persatuan yang atletnya berjaya memenangi pingat-pingat.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan infrastruktur sukan menelan belanja yang besar kerana ianya bukan sahaja dibiayai oleh Kerajaan Pusat, tetapi juga oleh kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Sebagai contoh kos pembinaan kemudahan-kemudahan sukan untuk Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel yang ke XVI berjumlah kira-kira RM1.3 bilion. Jumlah ini sudah tentu menjadi lebih besar jika pembinaan yang dibuat oleh negeri dan pihak berkuasa tempatan diambil kira. Meskipun peranan kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan terbukti penting dalam membangunkan sukan negara, tetapi pada hakikatnya peranan ini tidak dapat dimanifestasikan melalui tindakan-tindakan yang berkesan kerana kekurangan kekuatan undang-undang yang dapat menyokong peranan berkenaan. Kepimpinan kerajaan dalam menggubal dan melaksanakan dasar telah terbukti kurang bermaya kerana kekurangan kuasa undang-undang ini di Kementerian Belia dan Sukan.

Meskipun kementerian ini bertanggungjawab untuk membangunkan sukan, tetapi dari segi perundangan persatuan-persatuan yang ditubuhkan untuk tujuan berkenaan bukan terletak di bawah bidang kawalan kementerian ini. Apa yang berlaku

sekarang ialah setakat menggunakan budibicara serta kuasa memujuk bagi mendapatkan kerjasama daripada badan-badan sukan ini dan seperti yang telah pun terbukti sebelum ini, persatuan-persatuan sukan boleh memilih untuk mengetepikan nasihat dan pandangan daripada Kementerian ini termasuk pandangan dan nasihat menterinya sendiri.

Bagi menentukan bahawa Kementerian yang bertanggungjawab untuk memajukan sukan mampu menggubal dasar, menentukan keberkesanan pelaksanaan di samping menentukan arah tuju sukan tanah air, maka Akta Pembangunan Sukan ini dicadangkan. Akta ini tidak sekali-kali ingin mengambil alih peranan persatuan-persatuan sukan atau mematikan semangat sukarela seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak. Akta ini bertujuan untuk memperkukuhkan struktur pengurusan sukan tanah air melalui mekanisme yang membolehkan semua persatuan sukan melaksanakan tujuan penubuhan masing-masing dengan lebih berkesan.

Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa kegiatan sukan semestinya terus dikelolakan oleh mereka yang berkhidmat secara sukarela. Dalam pada itu, kita juga menyedari bahawa bidang sukan telah pun kehilangan pemimpin dan pegawai yang benar-benar ikhlas menyumbangkan tenaga untuk memajukan sukan. Mereka ini memilih untuk tidak terus melibatkan diri kerana tidak tahan dengan karenah sebilangan daripada pemimpin ataupun pegawai-pegawai utama persatuan-persatuan berkenaan. Apa yang tinggal ialah mereka yang berjaya mengekalkan kedudukan masing-masing sehingga beberapa lama meskipun kita mengetahui prestasi sukan berkenaan tidak menunjukkan sebarang kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menggalak dan memperkukuhkan semangat sukarela, akta yang dicadangkan ini akan menentukan supaya senantiasa terdapat ketelusan dalam semua aspek persatuan-persatuan sukan. Tidak ada salahnya para pemimpin memimpin persatuan-persatuan sukan dengan begitu lama. Tetapi ia seharusnya menggunakan masa tersebut untuk merancang dan melaksanakan kebangkitan sukan masing-masing dan bukan seperti yang berlaku di kebanyakan sukan sekarang ini. Sekiranya pemimpin persatuan sukan selalu menyatakan bahawa mereka tidak sepatutnya dikongkong oleh sebuah akta kerana mereka berkhidmat secara sukarela, maka sudah seharusnya pertelingkahan dan 'kemurupan' sukan masing-masing tidak berlaku kerana semangat sukarela juga menuntut mereka mengundurkan diri apabila berlaku kemunduran dalam sukan masing-masing. Perkataan 'sukarela' sepatutnya digunakan dalam segala aspek dengan makna yang penuh dan bukan sewenang-wenangnya mengikut kepentingan setengah-setengah pihak dan pada waktu-waktu tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sukan mengandungi nilai-nilai murni seperti fair play, mematuhi undang-undang, persefahaman, disiplin, taat, daya saing, perjuangan, persediaan melalui latihan ke arah memenangi satu-satu pertandingan. Sukan mempunyai peraturan yang mengawal satu-satu pertandingan, dan bagi menentukan peraturan ini dipatuhi, ada pengadil yang mengadili pertandingan. Mereka yang melanggar peraturan akan dihukum mengikut cara dan kaedah yang mesti dipatuhi oleh mereka yang menyertai pertandingan berkenaan. Dalam konteks yang lebih besar, Akta Pembangunan Sukan yang dicadangkan adalah merupakan peraturan-peraturan pertandingan bagi persatuan-persatuan sukan di mana pesuruhjaya yang akan dilantik merupakan pengadil dan menteri yang bertanggungjawab merupakan kata pemutus bagi menyelesaikan segala kekusutan yang mungkin tidak dapat diselesaikan oleh pesuruhjaya.

Akta yang dicadangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai tujuh bahagian yang meliputi Bahagian Permulaan, Bahagian Pembangunan Sukan, bahagian khusus untuk Majlis Olimpik Malaysia, Pentadbiran Akta, Pendaftaran dan Penyeliaan Badan Sukan, Panel Penasihat Sukan, dan bahagian yang akhir meliputi perkara-perkara am yang tidak terkandung dalam bahagian-bahagian sebelumnya.

Bahagian Pembangunan Sukan mengandungi perkara-perkara berhubung dengan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh menteri yang berhubung dengan pembangunan sukan di semua peringkat. Di samping itu juga, pihak-pihak yang terlibat dalam sukan perlu berunding dan menyelaraskan dengan menteri mengenai sukan masing-masing seperti yang akan ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Sebagai contoh, keseragaman Program Sukan Untuk Semua di seluruh negara boleh dilaksanakan melalui garis panduan yang dikeluarkan oleh menteri untuk diterima pakai oleh semua pihak. Dalam memajukan sukan, menteri juga boleh menghendaki badan ataupun agensi kerajaan berunding dan menyelaraskan aktiviti yang berkaitan dengan sukan yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan. Ini termasuk juga ke arah menggalakkan pembangunan sains sukan di institusi pengajian tinggi di negara ini.

Melalui peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam bahagian dua akta ini, membolehkan menteri dan Kementerian Belia dan Sukan menggubal dasar dan menentukan pelaksanaan dasar melalui garis panduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Ini membolehkan semua pihak yang terlibat dengan kegiatan membangunkan sukan mengikut hala tuju yang diselaraskan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Satu bahagian khas diwujudkan bagi mengiktiraf peranan Majlis Olimpik Malaysia yang diakui sendiri oleh pemimpin-pemimpin Majlis berkenaan sebagai yang unik dan mungkin berlaku di beberapa negara yang kecil jumlahnya di dunia ini. Pengiktirafan ini adalah penting memandangkan peranan Majlis Olimpik Malaysia yang menjadi saluran hubungan antarabangsa bagi kegiatan sukan tanah air. Selaras dengan pengiktirafan ini, Majlis Olimpik Malaysia perlulah mempertingkatkan peranan dan program ahli-ahlinya yang terdiri daripada persatuan-persatuan sukan kebangsaan supaya taraf dan mutu sukan di negara ini menjadi lebih cemerlang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mentadbirkan akta ini, menteri boleh melantik seorang pesuruhjaya sukan serta pembantu-pembantunya yang lain mengikut keperluan semasa. Pesuruhjaya mempunyai kuasa-kuasa tertentu seperti mendaftar mana-mana persatuan ataupun pertubuhan sukan, mengenakan syarat-syarat yang difikirkan perlu, membatalkan ataupun menggantung pendaftaran badan-badan berkenaan. Melalui peruntukan ini pesuruhjaya sukan akan dapat mengawasi perjalanan badan-badan sukan khususnya di peringkat kebangsaan dari segi pentadbiran dan kewangan agar ianya benar-benar berfungsi mengikut perlembagaan masing-masing. Melalui akta ini juga, bidang kuasa Pendaftar Pertubuhan sekarang ini akan dipindahkan kepada Pesuruhjaya Sukan di Kementerian Belia dan Sukan seperti yang terkandung di dalam Bahagian V akta ini. Mana-mana pihak perlu mendaftar untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan dan persatuan-persatuan yang dahulunya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 hendaklah dalam masa tiga bulan daripada tarikh berkuatkuasanya akta ini memohon untuk mendaftar semula bagi meneruskan kegiatan masing-masing.

Mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya boleh merayu kepada menteri dalam tempoh 30 hari dan menteri pula sebelum membuat keputusan boleh merujuk perkara berkenaan kepada Panel Penasihat Sukan. Menteri juga sebagai langkah sementara boleh mengeluarkan arahan untuk membolehkan badan sukan berkenaan meneruskan fungsi dengan melantik satu jawatankuasa ad hoc untuk menguruskan hal ehwal badan berkenaan untuk tempoh tidak melebihi 12 bulan. Ini adalah penting supaya kegiatan sukan berkenaan tidak terjejas sementara menunggu keputusan rayuan yang dibuat oleh pihak yang terkilan.

Melalui Fasal 23 akta ini ditentukan supaya tiap badan sukan menyelesaikan pertikaian yang timbul di kalangan anggota jawatankuasa ataupun badan pengelola mengikut prosedur dalaman yang ditetapkan. Ini membolehkan pertikaian yang berlaku diselesaikan melalui mekanisme persatuan itu sendiri tanpa campur tangan daripada menteri. Hanya setelah pertikaian berkenaan tidak dapat diselesaikan, maka

mana-mana pihak boleh merujukkan pertikaian tersebut kepada menteri untuk penyelesaian. Namun demikian, menteri sendiri atau atas nasihat Pesuruhjaya boleh meminta mana-mana badan sukan merujukkan apa-apa pertikaian kepadanya untuk diselesaikan.

Peruntukan-peruntukan ini adalah penting untuk mengelakkan daripada berlakunya pertelingkahan yang berpanjangan sehingga boleh menjejaskan pembangunan satu-satu sukan. Kekurangan yang dihadapi oleh menteri pada waktu ini ialah keupayaan untuk menyelesaikan perbalahan yang berlaku secara cepat, berkesan dan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, Panel Penasihat Sukan adalah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 8 ahli anggota, termasuk 2 daripadanya dinamakan oleh Majlis Olimpik Malaysia. Tujuan panel ini ditubuhkan ialah untuk menasihati menteri mengenai perkara-perkara yang dirujukkan kepadanya. Penubuhannya adalah semata-mata untuk mendapatkan pandangan bagi membolehkan menteri membuat keputusan yang bijaksana dalam hal-hal untuk memajukan sukan tanah air. Peruntukan yang dicadangkan untuk mengadakan prosedur dan peraturan-peraturan sama ada melalui arahan menteri atau melalui mekanisme dalaman persatuan itu sendiri adalah untuk menentukan pentadbiran dan pengurusan persatuan yang lebih kemas. Pengurusan yang cekap akan mengurangkan masalah termasuk masalah dalaman yang sekarang ini kerap kali melanda persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Pengurusan yang cekap juga akan merangsangkan pembangunan sukan dan ini menaruh keyakinan syarikat-syarikat yang telah menaja dan syarikat-syarikat lain untuk menaja sukan-sukan yang belum mempunyai penaja.

Sukan perlu mewujudkan imej yang baik. Ini sepatutnya bukan menjadi masalah kerana sukan itu seperti yang telah saya nyatakan mempunyai nilai-nilai yang murni dan mempunyai tujuan-tujuan yang menghasilkan faedah kepada individu dan negara. Penglibatan pihak swasta secara aktif akan memperkayakan aktiviti sukan negara. Oleh kerana sumber kewangan yang bertambah serta penerapan pengurusan yang lebih profesional melalui pemindahan pengalaman dan kepakaran kepada persatuan-persatuan sukan, Akta Sukan yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan suasana yang lebih menarik dan positif dalam dunia sukan tanah air yang boleh meyakinkan semua pihak khususnya pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian terakhir akta ini memberikan peruntukan-peruntukan am yang tidak terkandung dalam bahagian-bahagian yang sebelumnya. Di antara peruntukan-peruntukan penting yang dicadangkan ialah:

- (i) Tidak membenarkan mana-mana pihak membuat tawaran untuk menjadi tuan rumah pertandingan sukan antarabangsa tanpa mendapat kelulusan menteri terlebih dahulu. Peruntukan ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya keadaan yang memalukan, kerana ada persatuan-persatuan yang membuat tawaran menjadi tuan rumah tanpa memastikan keupayaan organisasi dan kewangan terlebih dahulu. Apa yang berlaku selepas tawaran ini diperolehi bukan sahaja organisasi serta kemudahan-kemudahan sukan yang tidak lengkap, tetapi juga menghadapi masalah kewangan, dan di saat-saat terakhir memaksa Kementerian Belia dan Sukan membantu pihak-pihak yang berkenaan. Pihak kerajaan sentiasa menggalakkan persatuan-persatuan untuk menganjurkan pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa di negara ini. Namun demikian, ianya perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin supaya ianya tidak menjejaskan nama baik negara ini akibat daripada persediaan yang kurang rapi.

Tuan Yang di-Pertua, sukan pada masa ini telah pun menarik minat banyak pihak untuk menjadi penganjur, kerana ia merupakan satu usaha yang boleh mendapatkan keuntungan. Bagi menjaga kepentingan persatuan-persatuan sukan yang menjadi pengawal sukan masing-masing di negara ini, maka syarikat-syarikat ataupun mana-mana pihak selain daripada persatuan sukan yang diiktiraf tidak dibenarkan menganjurkan pertandingan ataupun melibatkan diri dalam sukan tanpa mendapat kelulusan menteri dan lesen yang ditentukan yang tertentu daripada Pesuruhjaya Sukan. Menteri yang bertanggungjawab akan menentukan tarikh kuatkuasa akta ini selepas ianya diluluskan oleh Parlimen.

Tarikh yang akan dipilih akan mengambil kira kesediaan Kementerian Belia dan Sukan mengambil alih dan melaksanakan fungsi-fungsi yang sekarang ini dilaksanakan oleh Pendaftar Pertubuhan. Setakat ini akta ini hanya akan melibatkan 39 jenis pertubuhan sukan di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah. Jadual pertama akta ini akan ditambah dengan memasukkan sukan ataupun aktiviti rekreasi yang lain apabila Kementerian Belia dan Sukan bersedia melaksanakan tugas-tugas tambahan.

Mewujud dan menyemarakkan budaya sukan di kalangan rakyat Malaysia merupakan sasaran utama ke arah mempopularkan aktiviti sukan dan rekreasi. Apa yang kita idamkan ialah mewujudkan penyertaan langsung dan aktif yang lebih ramai dan besar golongannya. Keadaan ekonomi negara dan taraf hidup yang kian baik dan selesa memberi ruang kepada lebih ramai rakyat untuk melakukan aktiviti-aktiviti lain termasuk sukan dan rekreasi. Budaya sukan boleh dibentuk melalui Program Sukan Prestasi Tinggi dan Program Sukan Untuk Semua yang bertujuan untuk memberikan peluang penyertaan yang seluas mungkin. Akta yang dicadangkan ini akan menentukan persatuan-persatuan sukan yang ditubuhkan aktif di semua peringkat supaya aktiviti-aktiviti dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Apa yang berlaku di kebanyakan persatuan sekarang ialah aktiviti yang tidak seimbang di mana tumpuan lebih di peringkat kebangsaan serta aktiviti yang bersifat prestasi tinggi sahaja.

Penglibatan dan penghayatan rakyat terhadap sukan merupakan satu perkara yang penting ke arah membentuk sebuah negara yang resilience di mana rakyatnya sihat dan maju.

Aktiviti sukan yang meluas juga akan dengan sendirinya membentuk sokongan yang kuat terhadap sukan tersebut. Peluang mesti diberi supaya mereka yang berminat dapat menceburkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Peratus mereka yang layak ke tahap sukan prestasi tinggi amat terhad dan ini bermakna kebanyakan daripada mereka yang menceburkan diri dalam sukan adalah untuk kecergasan fizikal dan faktor sosial yang lain.

Oleh yang demikian, persatuan sukan juga tidak terhad batasan tugasnya kepada aktiviti sukan prestasi tinggi tetapi juga perlu melaksanakan program untuk golongan yang lebih ramai bagi memenuhi program sukan untuk semua.

Akta Pembangunan Sukan 1997 bolehlah dikatakan sebagai, dengan izin, 'sports friendly' yang dijangka akan memberikan satu suasana sukan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Pada asasnya akta yang dicadangkan ini akan memindahkan fungsi Pendaftar Pertubuhan ke Kementerian Belia dan Sukan melalui peralihan Pesuruhjaya Sukan dan pembantu-pembantunya. Peranan kementerian adalah untuk menyelaras kegiatan sukan tanah air melalui garis panduan serta peraturan yang disediakan untuk menentukan kegiatan sukan lebih tersusun lagi. Tanggungjawab serta peranan persatuan-persatuan sukan, kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan serta juga pihak swasta tidak terjejas ataupun berkurangan daripada apa yang terdapat sekarang ini.

Akta ini juga dijangka dapat menyesuaikan kegiatan sukan tanah air dengan perkembangan semasa yang mana ianya merupakan satu industri yang berkembang,

saintifik dan berteknologi tinggi. Sukan mempunyai aspek komersial yang tidak dapat dinafikan, yang perlu diterokai oleh semua pihak di negara ini dan akta ini yang menjuruskan kepada pengurusan persatuan sukan yang lebih cekap dijangka berjaya mengambil peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ledang.

5.47 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahas dan menyokong Akta Pembangunan Sukan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Saya rasa sudah sampai masanya sesuatu langkah yang konkrit dan berkesan dilakukan untuk membangun dan mengangkat prestasi dan imej sukan negara, lebih-lebih lagi kita tidak hanya bersukan untuk kepentingan sukan tetapi sukan untuk kepentingan negara.

Dalam usaha kita menuju ke arah sukan bertaraf dunia, istimewa pula kita akan menjadi tuan rumah kepada sukan yang berprestij iaitu Sukan Komanwel tahun hadapan dalam era globalisasi dan Malaysia boleh ini, tahap sukan negara seharusnya bergerak bersama-sama dengan arus ini supaya kita tidak terus lemas dengan masalah, kemelut dan pertikaian dalaman yang remeh dan boleh menghalang kita daripada menerokai peluang untuk menjadi juara dunia dan tidak terus berada di takuk imej jaguhan kampung.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum bahawa akta ini bertujuan untuk memberikan kuasa kepada menteri untuk campur tangan dalam urusan persatuan-persatuan sukan jika timbul keperluan ke arah tujuan tersebut. Kerana tanpa kuasa ini, adalah malang bagi sesebuah kementerian yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan oleh rakyat dan negara bagi memastikan tahap sukan sentiasa mencapai kemajuan dan kecemerlangan yang diharap-harapkan, tetapi tidak boleh berbuat apa-apa jika berlaku sebarang masalah dalaman sesebuah persatuan sukan yang pastinya akan menjejaskan pembangunan dan kemajuan sukan di mana persatuan tersebut bertanggungjawab dan memikul amanahnya.

Malah jika kita ikuti perkembangan yang berlaku baru-baru ini, iaitu pertikaian di antara Kelab Profesional Nusa Mahsuri dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM), nampaknya seolah-olah tidak ada mana-mana pihak pun boleh campur tangan. Majlis Olimpik Malaysia (MOM) hanya boleh dengar dan lihat sahaja, kementerian pun tidak boleh berbuat apa-apa selain daripada mendengar, melihat dan merintih kerana mengikut pihak MOM, Menteri Belia dan Sukan harus membiarkan pihak BAM mencari jalan penyelesaiannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bukannya pengalaman telah mengajar kita bahawa krisis dalaman seperti ini selalunya berlarutan dan mengambil masa yang lama untuk dipulihkan, ianya boleh menghakis keyakinan ahli-ahli persatuan, melemahkan semangat mereka dan kesemuanya ini sudah pasti menjejaskan perkembangan dan pembangunan sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping tidak menafikan hakikat bahawa banyak persatuan-persatuan sukan yang dipimpin dengan cekap dan penuh dedikasi oleh pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan komited, kita juga harus mengakui terdapat persatuan-persatuan yang tidak habis-habis dilanda masalah kepimpinan yang lemah dan lesu serta tidak mampu mengatur program-program pembangunannya sendiri yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita meneliti kertas Program Persediaan Latihan Atlet ke arah Sukan Komanwel 1998 oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara yang berbunyi di antara lain; '*Di antara constraint yang berhadapan dengan kita ialah jumlah persatuan yang berkemampuan dari segi pentadbiran dan pengurusan persatuan adalah terhad dan untuk kita menjadi tuan rumah yang berjaya dan peserta yang cemerlang dalam sukan besar ini, maka program latihan hendaklah dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih agresif, usaha yang berlipat ganda dan dilaksanakan dengan tidak mengikut norma dan style yang biasa diamalkan sekarang.*' Ini kata-kata yang ditulis oleh Ketua Pengarah Sukan Negara kita.

Ertinya, sesuatu yang luar biasa dari semua segi termasuk kecekapan pengurusan dan pentadbiran perlu diwujudkan termasuk juga kuasa di bawah Akta Pembangunan Sukan yang dibahaskan sekarang bagi memastikan pengurusan persatuan-persatuan berjalan dengan lancar, cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini adalah amat pelik bagi kita, kerana sebarang masalah dalaman yang timbul dalam mana-mana persatuan sukan di negara ini tidak membenarkan wujudnya pihak ketiga yang boleh membantu menyelesaikannya.

Jika dilihat di mana-mana peringkat sekalipun, misalnya jika berlaku krisis rumah tangga di antara suami dan isteri, ada pihak ketiga yang boleh dirujuk iaitu Tok Imam ataupun Tok Kadi sama ada untuk memberi nasihat ataupun diberi kuasa tertentu untuk menyelesaikan krisis itu.

Tetapi bagi persatuan-persatuan sukan di Malaysia, soal yang melibatkan nama baik dan maruah negara dalam arena sukan, semua pihak hanya mampu mendengar, melihat dan mengeluh dengan masalah demi masalah yang berlaku. Tidak ada satu pihak pun yang boleh campur tangan dan membantu, hatta sebuah kementerian yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembangunan sukan negara pun, setakat berpuas hati mengeluh dan merintih kerana ketiadaan kuasa untuk campur tangan dalam urusan persatuan. Yang lebih pelik dan aneh lagi ialah, apabila prestasi sukan negara merosot maka Menteri Belia dan Sukanlah serta pegawai-pegawainya yang jenuh menjawab soalan-soalan di Parlimen, selain daripada semua jari-jari yang menuding kepada kementerian di atas kegagalan mengangkat martabat sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin merujuk kepada satu pandangan daripada seorang tokoh veteran kita iaitu Tan Sri Samad Idris yang pernah menjadi Menteri Belia dan Sukan yang memberikan komentarnya terhadap percakaran yang berlaku dalam beberapa persatuan sukan tertentu di negara kita melalui *Utusan Malaysia* keluaran 3 April yang lalu iaitu beliau mengatakan: "Pihak Kementerian Belia dan Sukan perlu segera campur tangan dan menggunakan 'camti' jika perlu demi keutuhan serta mengembalikan imej pasukan negara."

Pendapat bekas Menteri Belia dan Sukan ini dikongsi sama oleh ramai peminat sukan khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Akta Pembangunan Sukan yang sedang dibahaskan sekarang ini yang bertujuan memberikan kuasa yang tertentu kepada pihak kementerian adalah merupakan 'camti' yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era 'Malaysia boleh' ini setiap pihak perlu bersikap terbuka, perlu saling bekerjasama mengetepikan ego dan bergerak ke arah kecemerlangan Malaysia di peringkat antarabangsa termasuk dalam bidang sukan. Inilah wawasan dan inilah misi kita.

Dengan sebab itu melalui akta ini, kita suka mengalu-alukan langkah untuk memberikan kuasa kepada menteri melalui Pesuruhjaya Sukan untuk menggantung persatuan-persatuan yang sering dilanda masalah dan ternyata tidak berupaya untuk menyelesaikannya sendiri.

Demikian juga dengan persatuan-persatuan yang tidak aktif, lesu dan tidak berkesan dan seterusnya memberikan kuasa kepada sebuah jawatankuasa *ad hoc* untuk menguruskan hal ehwal badan sukan itu bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan. Jika jawatankuasa *ad hoc* ini juga tidak berkeupayaan melaksanakan tugas dan fungsinya dan bermasalah, saya mencadangkan supaya Majlis Sukan Negara di peringkat negara dan Majlis Sukan Negeri di peringkat negeri mengambil alih tugas sementara ini kerana kedua-dua badan ini tentu lebih arif dan lebih mampu dan bertanggungjawab meneruskan program pembangunannya termasuk penyediaan kurikulum atlet dan jurulatih dan sebagainya supaya krisis dalaman dan ketidakupayaan pengurusan dan pentadbiran persatuan-persatuan ini tidak melemahkan semangat, menghakiskan keyakinan ahli-ahli dan membantut pembangunan sukan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengalu-alukan jika kuasa akta ini diperluaskan ke peringkat negeri-negeri di mana Pengerusi Belia dan Sukan negeri-negeri dan Majlis-majlis Sukan Negeri diberikan kuasa yang sama terhadap persatuan-persatuan sukan di negeri masing-masing supaya potensi sukan yang ada hingga ke peringkat grassroot, dengan izin, dapat benar-benar digembleng dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berpendapat supaya akta ini turut memberikan kuasa kepada menteri di peringkat negara dan Exco belia dan sukan di peringkat negeri untuk meneliti akaun persatuan-persatuan dari masa ke semasa. Jika didapati perlu bagi memastikan pengurusan kewangan persatuan-persatuan tersebut berjalan dengan sempurna seperti yang diamanahkan kerana soal pengurusan kewangan yang pincang juga sering menjadi punca masalah yang dipersoalkan oleh ahli-ahli dan seterusnya menghakiskan keyakinan mereka terhadap pentadbiran persatuan.

Namun demikian, kita juga berharap Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri tidak lokek memberikan peruntukan yang lebih kepada persatuan-persatuan yang diurus dan ditadbirkan dengan baik, efisien dengan perancangan pembangunan yang dinamik dan meyakinkan sebagai penghargaan dan insentif kepada mereka dan saya amat menyokong tindakan Majlis Sukan Negara yang tidak akan memberikan sebarang peruntukan kepada persatuan-persatuan yang gagal mengemukakan program pembangunan persatuan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin mencadangkan agar kementerian melalui Majlis Sukan Negara, lebih banyak dan kerap mengadakan kursus-kursus ketahanan fizikal dan mental kepada para atlet bagi menjadikan mereka golongan yang tidak mudah berputus asa, mudah kecewa kehilangan punca dan mudah menyerah kalah apabila berhadapan dengan tekanan-tekanan digelanggang. Melalui kursus-kursus ini juga, penekanan harus diberikan untuk menanam semangat cintakan negara dan dalam apa keadaan sekali pun tetap meletakkan kepentingan negara di atas lain-lain kepentingan, bukan semata-mata berjuang untuk meraih kejayaan bagi mendapatkan ganjaran peribadi semata-mata.

Di samping itu, pihak-pihak persatuan juga bersama-sama dengan para atlet, lebih-lebih lagi yang telah memperolehi ganjaran yang agak lumayan perlu memberikan sokongan terhadap usaha kementerian untuk menjayakan penubuhan Tabung Kebajikan Atlet untuk bersama-sama membantu para atlet yang ditimpa sebarang musibah dan memerlukan bantuan supaya nasib para atlet sentiasa terbela dan sebahagian daripada pembelaan itu dipikul sendiri oleh para atlet dan persatuan-persatuan yang terlibat secara langsung dalam kegiatan sukan negara.

Penubuhan tabung ini juga merupakan satu bukti bahawa mereka bukan daripada golongan yang selfish, dengan izin, atau mementingkan diri dan tidak mempedulikan nasib rakan-rakan seperjuangan yang memerlukan pertolongan. Kita berharap penubuhan tabung ini dapat dilaksanakan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali di samping menyatakan sokongan terhadap akta ini, saya juga ingin mengakhiri perbahasan ini dengan satu pandangan iaitu bagaimana jika akta yang lebih kurang sama juga diwujudkan untuk persatuan-persatuan belia yang kebanyakannya masih dalam keadaan lesu dan tidak bermaya. Mudah-mudahan akta seperti ini akan dapat menyuntik semangat dan kekuatan baru kepada persatuan-persatuan belia kita, lebih-lebih lagi di saat-saat kita merasakan amat perlu menggembelngkan seluruh kekuatan dan keupayaan dan segenap wadah yang ada untuk menghadapi masalah sosial yang hebat melanda generasi muda kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, terima kasih di atas kesempatan ini dan saya ingin menyokong Akta Pembangunan Sukan 1997. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Pokok Sena.

6.00 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ingat Tuan Yang di-Pertua tidak tahu saya sudah tukar tempat.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu pada hari ini baru saya tahu bahawa selama ini Menteri Belia dan Sukan tidak ada kuasa langsung kisah sukan. Hari ini baru saya tahu yang selama ini kita dok bangkit kisah sukan ini, kita dok marah kepada Menteri Belia dan Sukan, hari ini, bila dia bentang akta ini baru kita tahu bahawa selama ini kita dok marah pada dia, sia-sia sahaja. Jadi, saya bangun di sini menyokong kementerian ini sungguhpun kita terlewat sedikit tetapi saya ucapkan syabas kepada menteri kerana mengeluarkan satu akta yang cukup baik untuk kepentingan sukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya dari Ledang telah banyak membangkitkan perkara, sebab bukan setakat baru-baru ini, sudah banyak kita dok mengikuti karenah yang berlaku dalam badan-badan sukan ini; dalam bola sepak, tenis, badminton, olah raga, lumba basikal dan semua perkara ini kita rasa sudah tiba masanya supaya menteri dapat mengambil tindakan dengan akta yang wujud pada hari ini. Saya ingin menyokong menteri dan menyokong Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi yang mengatakan bahawa dengan kelulusan akta ini kita dapat mengatasi beberapa perkara.

Pertama sekali saya ingin membangkitkan mengenai pemimpin-pemimpin di dalam badan-badan sukan ini yang pada pendapat saya banyak, bukanlah tuduh semua tetapi banyak yang mementingkan diri. Saya ingin membangkitkan terutama sekali dalam tenis. Saya sudah kaji badan tenis ini. Kita tengok tenis ini adalah satu permainan yang kalau dapat top twenty itu millionaire! Saya dok bercakap di kampung sana, latih anak-anak ini main tenis tetapi bila kaji, tengok, badan tenis ini yang teruk sekali. Sudah lama. Pemimpin-pemimpin dalam badan ini mempunyai satu kuasa yang tidak dapat memajukan permainan tenis di Malaysia kita ini. Tidak ada minat langsung. Jadi, saya harap menteri ini - saya biasa bangkit, bawa dan berjumpa dengan bekas Menteri Belia dan Sukan dahulu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sekarang, untuk membangkitkan perkara tenis ini.

Jadi, yang mewakili negara ini siapa yang dekat dengan jawatankuasa ataupun pemimpin-pemimpin, kalau dia pandai mengampu dia wakil negeri. Macam mana kita hendak bagus di segi tenis di negara kita? Siapa yang pandai 'jek' sahaja! [Ahli Yang

Berhormat dari Kepong mengangkat dan menggayakan tangan] Yang Kepong ini dok 'jek' sahaja pasal apa? *[Ketawa]* Dok sokong sat lagi bangun bercakaplah. Jadi, siapa yang pandai 'jek' dia dapat mewakili negara, bila kita hendak bagus di segi sukan ini? Itu segi tenis. Lepas itu siapa yang melanggar sedikit sahaja, misalnya Tennis Open di Bangkokkah atau di Indonesia, ada pemain kita yang boleh dikemukakan, dimasukkan ke dalam pertandingan itu untuk mendapat nombor 400kah - badan dunia tenis ini nombor 400 pun cukuplah. Nombor 400kah dalam dunia tenis ini. Macam Kepong itu nombor 4000! *[Ketawa]* Nombor 4000 dia! Kalau 400 dalam dunia ini memang sudah baik, kita hendak main itu boleh masuk bertanding, kita expose dia ke pertandingan-pertandingan antarabangsa, dia tidak beri, dia tidak benar sebab tidak mengampu pemimpin dia. Kalau pergi juga, maka dia akan digantung beberapa tahun.

Ini telah berlaku kepada pemain kita Selvam. Dua tahunkah tiga tahun digantung, tidak boleh main di Malaysia, tidak boleh mewakili Malaysia. Jadi, minta maaf kalau ada pemimpin tenis ini. Saya tidak main tenis, pegang raket adalah tetapi saya mendapat feedback - saya sebagai wakil rakyat, mendapat feedback ini daripada pemain-pemain tenis. Mereka beritahu kepada saya, tanya kepada semua pemain tenis di Malaysia ini tentang pemimpin tenis yang ada sekarang ini, pemimpin-pemimpin badan tenis ini tidak ada siapa pun yang suka, semua! Kecuali yang mengampu sahaja.

Begitu juga dengan badminton. Badminton macam itu juga. Bertelagah sampai lingkup terus. Kawan itu diberi duit begitu banyak bila jadi johan sampai mabuk duit dan tidak boleh main pun ada! Saya biasa bangkit dalam Parlimen ini, saya bangkit kepada menteri lah - tidak tahu menteri tidak ada kuasa masa itu supaya Pak Sidek ini - dia boleh latih anak dia sampai kesemuanya jadi champion. Takkan.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nanti sat, nanti sat ya doktor kulit. *[Ketawa]* Jadi, cakap kisah sukan, kisah penyakit 'Coxsackie B'kah apa, tidak ada. Jadi, kisah sukan, bukan penyakit kulit. *[Ketawa]*

Saya telah bangkitkan dalam Parlimen ini Pak Sidek dia boleh latih anak dia sampai kesemuanya champion tentu dia ada kelebihan, tentu dia ada - dari segi disiplin anak dia kah, ambil dia ini jadi...apa....*[Disampuk]* bukan jadi penasihat, jadi apa? Yang dok bawa pemain itu, *[Disampuk]* penasihat, bukan! Jurulatih barangkali dia sudah tua, suruh dia jaga disiplinkah....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Bagilah!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ah, bagilah! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya 'Pokok Angsana' ini, susah sedikit. Dia tidak begitu faham mengenai tenis dan dia tidak begitu faham mengenai badminton tetapi dia hendak Pak Sidek itu menjadi penasihat dan sebagainya, bukan jadi penasihat. Adakah dia sedar bahawa bukan sahaja jadi penasihat, dia hendak jadi 'raja badminton', bukan penasihat dan saya akan sebutkan apabila saya berpeluang mengapa saya anggap mungkin Yang Berhormat Menteri mesti mempertimbangkan tindakan yang diambil semasa ada pertandingan di antara Nusa Mahsuri dengan BAM kerana Presiden BAM, bagi sayalah, waktu itu melakukan dengan baik, dengan betul. Adakah dia sedar? Tetapi sekarang dia hendak Sidek itu menjadi 'raja badminton' pula!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Alah, ini yang doktor kulit.....

Seorang Ahli: Tidak faham!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:tidak faham, campur kisah sukan ini. Saya tidak kata 'raja', saya kata contoh. Kalau hendak jadi pemimpin, penasihat, dia ada kepakarannya. Ini saya hendak bangkitkan ini, kalau dia hendak jadi Pengerusi MOMkah, presidenkah, sekurang-kurangnya dia biasa larikah, dia tahu, dia minatkah. Ini ada yang jadi pengurus bola tidak pernah tendang bola seumur hidup. [Tepuk] Seumur hidup tidak pernah tendang bola jadi pengurus bola, saya ada buktinya! Ada kawan, saya besar sama dengan dia, bila saya main bola dia tidak pernah main bola, tup tup dia jadi pengurus negeri, nak bagus main kot mana? Macam Yang Berhormat dari Kepong beri dia jaga tenis, mampus dia tidak boleh. Dia doktor, masa dia jadi askar pun saya tidak faham macam mana dia boleh jadi askar! [Ketawa] Jalan pun 'melelot' [Ketawa] Minta maaf, ini fasal member.

Jadi, maksud saya bukan suruh dia jadi 'raja badminton'! Misalnya, orang yang semacam itulah kita ambil jadi penasihat sebab dia mesti ada - misalnya jadi chaperon, apa salahnya jadi chaperon? Pak Sidek ini misalnya kita lantik jadi chaperon, jaga, bawa pemain-pemain kita sebab dia mesti ada sesuatu kelebihan! Dia boleh latih anak dia, yang perempuan pun champion, yang lelaki pun champion, dia mesti ada satu-satu kelebihan. Kalau dilantik macam Yang Berhormat dari Kepong itu saya ingat lingkup teruslah.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun lagi ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nantilah, sat lagi bercakaplah. Sekejap sahaja.

Jadi, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya orang yang hendak jadi pemimpin sukan itu mesti ada sesuatu kelebihan. Kalau dia hendak jadi pengerusi Olympic, kalau dulu dia - bukanlah hendak suruh dia lari - kita ambil contoh-contoh macam di England. Di England, kalau dia macam Keegan, selepas dia main dengan handal dia pergi berkursus untuk jadi jurulatih, jadi pengurus, lepas itu dia dibeli. Ini tidak ada apa-apa, tiba-tiba dia jadi - tenis, saya tahu dia bekas champion tetapi ada badan-badan sukan yang pengerusi atau presidennya tidak pernah ambil tahu tentang pentadbiran yang dibuat itu. Misalnya, macam saya beri contoh tadi, pengurus bola tidak pernah tendang bola. Dia cuma tendang bila pergi rasmi sahajalah, macam menteri pergi dok rasmi, tendang bola masuk tengah padang. Itu tidak usah kiralah. Maksud saya, minat dia, semangat dia lain. Macam mana dia hendak tahu semangat pemain-pemain dia, dia tidak ada, dia kira dok urus supaya dia jadi presiden, dia dapat elaunkah, harta itu hak dia punya, jadi dia bukan ada kepentingan negara!

Jadi, kita hendak bila lulus akta ini, kita hendak menteri ada campur tangan. Di tiap-tiap badan itu mesti ada seorang wakil menteri, tiap-tiap badan sukan itu adalah pegawai yang menteri percaya - oh, dia ini bagus tenis, bagi dia duduk dalam badan tenis itu, baru dia tahu apa dia bincang.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kacau apa lagi ini? [Ketawa] Orang hendak cakap, baru hendak lajak awak kacau. Nantilah sekejap, ada hal apa ini hendak cakap?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada, hendak penjelasan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hendak minta penjaslankah?

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak minta penjelasanlah. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar, Yang Berhormat sendiri pun satu bola pun tidak pernah peganglah, *[Ketawa]* tidak pernah pegang. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hati-hati Kepong ya!

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat perlu mempertimbangkan bila kita - memang kita menghargai perkhidmatan kepada keluarga Sidek, kita memang menghargai tetapi Yang Berhormat belum menyedari dan belum memahami keadaan yang sebenarnya. Jadi, mungkin dia hendak jadi lebih besar daripada Presiden Persatuan BAM! Mungkin lah! Jadi, hendak rajakan dia sahaja. Adakah Yang Berhormat masih ingat bahawa apabila saya sebutkan jangan kita beri hadiah dengan begitu banyak, tanah lagi dan sebagainya bila kita menang Piala Thomas, tetapi Yang Berhormatlah yang membidas saya. Jadi, sekarang dia hendak ubah sikap pula. Saya ingat Yang Berhormat adakah sedar, walaupun kita berharap Yang Berhormat Menteri dengan kelulusan rang undang-undang in kelak, dapat mengawalseliakan sukan negara ini dengan baik, tetapi kita mesti ada kawalan dan imbalan, check and balance.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Yang Berhormat Kepong ini masuk sebelah mana? Masuk sebelah mana ini? Masuk sebelah yang terukkah? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelah yang adil.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, kita habis dah kisah Pak Sidek. Saya ibaratkan sebagai contoh dan Yang Berhormat jangan fikir kata saya - Yang Berhormat sebutkan permainan apa yang saya tidak pernah main? Kriket - saya sudah main, guli pun saya main *[Ketawa]*, golf saya main, badminton saya biasa champion tahu? *[Ketawa]* Ah, jangan main-main! Zaman saya, saya biasa champion tahu? Lepas itu, football saya main, saya wakil juga. Kalau athletic saya champion tahu - 400 metres! *[Ketawa]* Kelantan AA dulu tahu? *[Tepuk]* Masa Yang Berhormat baru dok berlatih berjalan, saya sudah lari 400 metres Kelantan AA - champion, tetapi saya orang Kedah, masa itu saya duduk di maktab perguruan. Sebut apa? Guli, sole? Sebut! Semua permainan saya main, bukan macam Yang Berhormat. Saya main sebab itu saya berani bercakap. Semua permainan saya main sampai lastnya sekarang ini saya main golf sahajalah sebab Golongan Orang-orang Lemah Fikiran ini kena main golf. *[Ketawa]* - G.O.L.F. hendak main yang lain tidak mampulah dengan kekuatan kita yang ada tetapi Yang Berhormat daripada muda tidak pernah main apa, yang saya nampaklah!

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi bukan hendak suruh ambil Pak Sidek sekarang tetapi contoh-contoh yang macam itu. Orang yang champion-champion dahulu kita ambil jadi penasihat, dia mesti ada kelebihan sesuatu. Dalam olahragakah, kalau olahraga dia itu seumur hidup tidak pernah lari pun, tidak pernah jadi pengadil olah raga, pergi jadi pemimpin olahraga MOMkah apa, dia hendak tahu apa? Dia dok kira diri dialah, kepentingan diri dialah. Bila dia dok politik, dia masukkanlah politik untuk hendak menang sebagai presiden. Ini yang kita hendak bangkitkan ini. Jadi, saya mencadangkan tadi supaya di tiap-tiap badan ini ada pegawai-pegawai kementerian untuk mewakili. Pilih orang yang bagus tenis masuk dalam badan tenis itu seorang sebagai mewakili menteri. Kalau tidak mereka mesyuarat apa, kita tidak tahu! Jadi, kalau ada dalam bola sepak, okay! Tetapi sekarang bola sepak pun ada juga perkara yang - sekarang ini kita tidak boleh tegur juga sebab presiden bola sepak

itu sultan. Tegur, terbanglah 'Datuk', macam saya, saya berani tegur. Orang Pahang tidak berani sebut langsung! Sebut, jahanam! 'Datuk' dia akan ditarik balik.

Benda-benda semacam ini kita tidak boleh tegur. Saya harap menteri jadi pemimpin, jadi menteri yang berkuasa tentang sukan ini supaya melihat perkara-perkara ini tidak berlaku. Sultan janganlah jadi presiden, sebab bila jadi presiden macam mana dia duduk di bawah menteri? Menteri hendak arah macam mana? Ampun Tuanku, patek minta maaf, perkara ini tidak boleh buat! *[Ketawa]* Payahlah kepada menteri.

Jadi, saya harap Sultan-sultan, bukanlah kita hendak anti dia tetapi dia tidak patut duduk di tempat yang begitu rendah daripada menteri. Saya mencadangkan supaya akta ini ataupun dengan cara yang baik atau dengan secara faham sama faham, tarik diri, supaya benar-benar orang yang kita boleh tegur. Kita tidak mahu bila kita tegur, menangis, teriak. *[Ketawa]* Bila teriak, kita sudah susah hati, menteri sudah pujuk ambil dok balik. *[Ketawa]* Ha, ini kita tidak mahu. Kita tidak mahu dia jadi presiden, kita tidak tegur langsung, macam mana? Dahulu dia Jeneral, tak apalah kita tegur. Dia memang tidak boleh ditegur. Tegur dia, terbanglah kita. Kalau yang askar tegur dia, kena ditukar. Kalau tidak pun, daripada koperal turun ke prebet, yang leftenan pun turun. Itu dahulu, tetapi sekarang dia jadi Presiden Sukom dan menteri yang akan bertanggungjawab kalau apa-apa terjadi.

Baru-baru ini saya tengok, ini susahlah. Pengerusi Sukom kita tegur-tegur sikit, teriak, kacaulah. *[Ketawa]* Mana boleh! Saya hendak bangkitkan ini tidak kiralah, dia hendak marah saya, saya wakil rakyat biasa sahaja. *[Ketawa]* Hendak kata apa pun kepada saya, tidak apa. Saya ini Wakil Rakyat PPRT pula! *[Ketawa]* Kalau hendak saman pun bukan ada duit nak beri, bolehlah setakat seluar dalam dan baju dalam. *[Ketawa]* Hendak saman pun samanlah, tetapi ini berlaku. Presiden Hokinya Sultan, perkara ini berlaku dalam negara kita, hendak tegur macam mana? Siapa orang Perak mana berani sebut kisah hoki, sebut pun tidak berani, buang negeri. *[Ketawa]* Selepas itu, tidak bersangkutlah, dengan anak dia, dengan siapa pun.

Bagi kita perkara ini adalah sukan rakyat. Kalau dia seronok tengok bola, beri dia jadi penaung, senang kutip derma, tak apalah. Beri dia jadi penaung, tetapi jangan jadi presiden. Payah, siapa berani lawan? Lawan sahaja, habislah. Jadi, perkara-perkara ini saya harap menteri ambil tindakan sama ada nasihat melalui Majlis Raja-Rajakah, supaya orang yang benar-benar minat menjadi pemimpin itu, baru sukan kita boleh bagus. *[Tepuk]* Kalau dok ambil macam Yang Berhormat dari Kepong jadi pengurus football, lingkup. *[Ketawa]* Seumur hidup tidak pernah tendang bola. Badminton pun tidak pernah. Jadi, orang macam ini yang dok melingkupkan. Minta maaf, memang awak tidak pernah main. *[Ketawa]*

Apa yang saya bangkitkan tadi bukan hendak suruh ambil Pak Sidek, tetapi itu adalah satu contoh. Saya percaya Pak Sidek mesti ada sesuatu kelebihan yang boleh melatih anak-anaknya, sekurang-kurangnya disiplin, dia suruh larikah, dia suruh buat apakah, mesti ada sesuatu yang ada pada diri Pak Sidek ini sampai Sultan Selangor beri gelaran 'Dato' - Dato' Sidek, kerana dia ada kelebihannya. Kalau dia boleh latih anak-anaknya, kenapa tidak dia latih rakyat biasanya, dia jadi chaperon atau apakah, berilah sebulan RM5,000 sama dengan wakil rakyat, apa salahnya. Beri sebulan RM5,000 dia duduk sahaja, chaperon, dia bawa pergi ke London. Dia kata, malam jangan keluar. Ini waktu malam dok celapak keluar pergi karaoke, besok siang main bola, macam mana?

Seorang Ahli: 'Celapak' itu apa?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: 'Celapak' itu dia pergi dengan langkah banyak kali. *[Ketawa]* Itu orang Kedah panggil 'celapak'. Kalau dia berjalan selangkah, selangkah, bukan celapak. Dia pergi tiga langkah sekali itu

celapak. Jadi, kalau waktu malam dia dok pergi karaoke, jadi orang yang macam Pak Sidek ini contohnya.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nanti sekejap, hendak perhabis, hendak habis time pun. Orang yang macam ini kita perlu ada dalam badan-badan sukan.

Lagi satu, lumba basikal. Saya ada satu kes di kawasan saya, orang Alor Setar. Sampai sekarang ini dia cacat kerana accident - berlaga dalam perlumbaan, sampai sekarang apa pun tidak dapat. Kaki dia dipotong, sambung bubuh besi, jalan pun hincut, dia tidak dapat apa sebab badan lumba basikal tidak boleh hendak beri apa. Seperti Yang Berhormat dari Ledang kata, tubuh satu badan supaya pemain-pemain, pelumba-pelumba atau pelari-pelari kita bila ada accident semasa mewakili negarakah ada ganjarannya.

Jadi, dalam perkara ini saya menyokong Yang Berhormat dari Ledang kata tadi ada satu badan supaya melihat kesejahteraan pemain-pemain kita.....Kepong tak boleh kacau, dia pun sedar diri dia, dia tak boleh bercakap kisah sukan, dia sedar diri dia. *[Ketawa]* Jadi, saya harap dengan adanya akta ini kita dapat mengelakkan pemimpin-pemimpin yang berkepentingan diri tetapi kita hendak berkepentingan negara supaya dia sentiasa memikirkan bagaimana negara kita boleh memajukan sukan dari segi tenis, kawan yang jaga tenis itu kira hendak beri sukan tenis dalam Malaysia kita ini ada pemain tenis yang sekurang-kurangnya No. 40 pun jadilah, No. 20 sudah jadi jutawan, itu kita hendak latih anak kita. Anak saya, saya latih main golf dengan tenis sahaja, sebab itu ada chance jadi jutawan. *[Ketawa]* Yang lain tidak ada chance. Anak saya main golf, main tenis, sekurang-kurangnya jadi macam Tiger Wood. Thai campur Negro, jadi Tiger - Tiger Wood. *[Ketawa]* Jadi, dia champion. That is why he is called Tiger - Thai and Niger. *[Ketawa]* That is a fact, Thai and Niger becomes Tiger Wood, sebab emak dia Thai, bapa dia Negro.

Jadi, saya berharap dengan adanya akta ini kita dapat mengelakkan daripada orang-orang yang tidak pernah dengan sukan jadi pemimpin sukan, orang yang ego sangat hendak jadi pemimpin seumur hidup itu kita dapat mengelakkan, selepas itu orang yang tidak boleh ditegur langsung itu pun kita dapat mengelakkan, kita dapat orang yang boleh ditegur, boleh dikritik, terima segala kritik-kritik Parlimen ini, siaplah saya kritik ini, tak tahulah apa jadi, tetapi kritik ini mengkritik untuk kepentingan negara. Mudah-mudahan dengan akta ini sukan kita akan menjadi satu badan yang boleh menaikkan harum nama Malaysia di masa-masa hadapan.

Jadi, untuk menutup ucapan saya ini.....

Seorang Ahli: Sambung lagi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini berat, Tuan Yang di-Pertua, sebab suruh saya bercakap sampai habis masa. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah pertama sekali bola sepak kita tengok sekarang ini pemain-pemain Malaysia kita sudah.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat dari Pokok Sena yang menyentuh soal Sukom. Jadi, apa yang kita lihat selama ini memang ada kebenarannya teguran daripada Yang Berhormat Menteri.

Walau bagaimanapun, cerita itu sudah selesai, alhamdulillah, tetapi kita harus melihat akan permasalahan di segi pengiklanan sekarang ini. Jadi, apa yang kita tengok Sukom Ninety Eight mengenakan bayaran yang agak mahal kepada nombor plat kereta. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya sekiranya Sukom Ninety Eight ini benar-benar untuk membesarkan lagi tahap pengiklanan itu, apa salahnya kalau nombor plat kenderaan ini yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat diberikan percuma ataupun diskaun yang lebih murah. Sekarang ini pemilik kenderaan terpaksa membayar lebih kurang RM65 ke RM100 untuk mempamerkan Sukom Ninety Eight di nombor plat kereta mereka masing-masing.

Jadi, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Sukom mengkaji balik perkara ini kerana pemilik-pemilik kenderaan ini dengan rela hati untuk membantu bagi mengiklankan Sukom Ninety Eight ini dengan cara yang lebih meluas lagi? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, itu bidang yang saya tidak tahu. *[Ketawa]* Jadi, saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu itu orang lain semua faham, sebab saya tidak mahu bercakap perkara yang saya tidak tahu.

Ini saya hendak bercakap lagi satu perkara, kisah pergi SEA Games dengan kapal. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, pertamanya memang saya tahu perkara ini daripada awal sampai tamat, sebab tujuan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk bawa pemain-pemain kita dengan kapal itu supaya mereka dapat berkumpul. Bukan kita naik perahu macam zaman dahulu, kena segala ribut macam ini. Kita naik Star Cruise itu, bukan ada ombak boleh mabuk macam naik bot pergi ke Langkawi. Star Cruise ini kita naik di situ ada 8 tingkat untuk 2,000 orang, swimming pool ada, court tennis pun ada, di situ kita dapat berkumpul, berehat, tahu satu sama lain, itu maksud Yang Berhormat Menteri. Tetapi bukan naik bot macam saya pergi ke Langkawi zaman dahulu itu, berbau dengan belacan, dengan ikan kering, apa semua, bukan bot macam itu. *[Ketawa]* Ini bot Star Cruise, kapal yang besar. Bukan dari segi tambang sahaja, tetapi supaya pemain-pemain, ahli-ahli olahraga kita dapat berkumpul, tahu satu sama lain, tidak adalah dok dengki satu sama lain, yang puak bola dok dengki dekat puak main yang lain, di antara satu dengan yang lain. Di atas kapal itu mereka dapat bergaul di antara satu sama lain, dengan tambang yang begitu murah.

Bukan kita sayang kepada tambang, tetapi tujuan kita hendak mempereratkan ahli-ahli pemain. Selepas itu timbul masalah 'is a joke', ini pun saya rasa sedih juga sebab saya dok lihat, tetapi saya bukan membela boss saya, dahulu memang boss saya, tetapi saya ada dalam peristiwa-peristiwa ini untuk berbincang dengan ahli-ahli sukan. Saya dapat tahu dalam warta berita, ahli-ahli sukan pun kata bersetuju, kami dapat berehat, kami dapat duduk bersama, berkenalan sementara kita hendak sampai ke Jakarta tetapi perkara ini dibangkitkan begitu heboh, sampai kata 'is a joke to go by the ship'. It is not like that. Oh, cakap orang putih pula. *[Ketawa]* Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, itu pelat sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini berlaku dan kita tidak mahu perkara-perkara ini berlaku macam ini. Ini disebabkan oleh badan sebelum ini yang tidak mempunyai kuasa para menteri. Jadi, saya bersyukurlah kerana pada hari ini kita tengok akta ini, kita beri kuasa penuh, saya kasihan kepada Menteri Belia dan Sukan selama ini sentiasa dok kena marah tetapi bukan hak dia, bukan kuasa dia. Tetapi bila kita wujudkan akta ini, insya-Allah, kita akan dapat memperbaiki keadaan-keadaan ini supaya sukan kita akan menjadi maju.

Jadi, saya hendak peringatkan lagi sekalilah cadangan saya, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri jangan lupa meletakkan pegawai-pegawai sukan di

kementerian itu yang pakar-pakar, ini yang pakar betul, kalau dalam badminton hendak bubuh Pak Sidek itu ikut suka menterilah, tetapi dalam badan-badan sukan misalnya tenis, pegawai-pegawai kita pun ada yang bagus, ada yang cenderung dalam tenis, letakkan dalam badan-badan itu untuk mewakili menteri supaya apa yang diperbincangkan boleh dirujuk sebagai pegawai yang mewakili menteri. Perkara ini kita rasa kita dapat atasi, kalau tidak, cuma bila last sekali baru sampai kepada menteri hendak menyelesaikan masalah. Jadi, menteri jadi tempat menyelesaikan masalah sahaja. Jadi, kalau ada pegawai kita di dalam badan itu, daripada awal menteri sudah tahu. Bila dia balik mesyuarat, dia beritahu kata perkara ini hendak timbul, jadi menteri dapat memberi nasihat, dapat memberi petunjuk supaya badan-badan ini tidak melarat menjadi seperti yang berlaku sekarang ini.

Saya sebenarnya hendak simpan untuk bercakap hari esok, tetapi oleh sebab.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya lagi sekali ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah habis.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:dan saya dengan ini menyokong akta ini dengan doa mudah-mudahan dengan kelulusan akta ini, menteri akan mempunyai kuasa, akan dapat melihat badan-badan sukan dalam negara ini akan berjalan dengan lancar dan pemimpin-pemimpin badan sukan ini dapat ditegur, dapat menerima kritik-kritik yang membina supaya kita sebagai ahli-ahli Parlimen pun boleh tegur juga, ada pakar-pakar macam Yang Berhormat Che Ibrahim (Sungai Petani) bagus dari segi 'goalie' *[Ketawa]* - goal keeper, bukan main guli ini. Dia jadi goal keeper dahulu, dia boleh tegur goal keeper. Macam Yang Berhormat dari Kepong bagus dari segi sole. Dia dahulu champion sole di sebelah Kepong.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk perbahasan sudah habis.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk hari ini sudah habis.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dengan ini, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa perbahasan untuk hari ini sudah habis.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Reformasi Perjalanan Dewan Rakyat

6.31 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap atas perkara yang telah saya maklumkan ke atas Jabatan Perdana Menteri iaitu tentang Reformasi Perjalanan Dewan Rakyat dan saya berharap mendapat tindak balas yang lebih positif dari apa yang saya dapat pada masa saya timbulkan perkara yang sama pada perbahasan Ucapan Terima Kasih pada Titah Di-Raja pada Pembukaan Penggal Ketiga tempoh hari.

Seperkara yang membimbangkan saya sekurang-kurangnya ialah sikap sinis rakyat pada umumnya terhadap proses dan juga institusi politik yang ada dalam negara kita hari ini. Sikap sinis ini mewujudkan satu fenomena pengasingan politik ataupun political alienation yang mana rakyat pada umumnya merasa bahawa proses politik itu adalah tidak relevan pada hidup mereka sekali gus mereka tidak mengambil bahagian dengan aktif sama ada dalam politik berparti ataupun mengambil tahu tentang apakah perkara-perkara yang berlaku di Dewan-dewan Undangan Negeri dan juga khususnya di Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Parlimen ini. Jadi, kita bimbang Parlimen sebagai satu institusi politik yang terunggul di negara ini, sebuah institusi perundangan yang tertinggi di negara ini tercemar dengan tanggapan yang sebegini rupa. Adalah jelas bagi mereka yang secara ikhlas melihat pada proses ini kalau kita tengok public gallery ini tidak pernah siapa yang datang menengok, kerana tidak ada orang yang berminat.

Kalau kita tengok dari segi liputan yang dibuat oleh akhbar, media massa tentang apa yang berlaku dalam Dewan ini tidak ada liputan yang mencerminkan apa yang berlaku di dalam Dewan ini. Jadi, ini merupakan perkara-perkara yang saya rasa bibit-bibit permulaan dari segi terhakisnya kedudukan institusi-institusi politik seperti Parlimen ini dan juga sistem perundangan yang ada dalam negara kita. Jika ini berlaku, maka proses itu tercemar dan ahli dalam Dewan ini pun adalah tercemar sama ada ahli seperti kita yang duduk di sini, mahupun ahli pembangkang dan juga ahli daripada pentadbiran.

Jadi, untuk kita memelihara dan mengukuhkan lagi kedudukan Parlimen ini sebagai sebuah institusi perundangan, saya cadangkan supaya diadakan satu rombakan semula tentang Peraturan Majlis Mesyuarat (Standing Orders) kita ini untuk kita lakukan perkara-perkara yang membuka ruang untuk pertama meningkatkan peranan ahli-ahli Dewan Rakyat dalam perundangan mereka dalam proses membuat undang-undang dalam negara ini.

Satu daripada peranan yang harus ada dalam kita mereformasikan politik ialah kita harus memperluaskan dan mentakrif semula apakah peranan ahli Dewan selain daripada menjadi wakil rakyat yang biasa ini, kita adalah juga legislators. Untuk itu kita cadangkan bahawa Dewan ataupun kerajaan mempertimbangkan supaya Peraturan Mesyuarat 80(1) misalnya yang membenarkan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan ditubuhkan, di 'activate'kan dan digunakan. Ini akan memperluaskan peranan-peranan ahli di dalam kita berbincang dan ia juga akan meningkatkan kecekapan kita bermesyuarat. Tidaklah kita bermesyuarat 6 bulan lebih dalam setahun, dalam majlis yang penuh kita akan bermesyuarat, kebanyakan masanya dalam jawatan-jawatankuasa dan kemudiannya dibawa keputusan itu kepada majlis mesyuarat penuh. Ini akan lebih memberi peluang kepada ahli untuk berbincang

dengan lebih tentang rang undang-undang yang akan dibawa dan ianya akan menyumbang kepada persepsi bahawa Parlimen ini bukan sahaja berkuasa, tetapi dilihat sebagai berkuasa. It has to be seen as not only having the authority but it has to be seen not only ada authority tetapi it has to be seen ada authority, dengan cara kita melebarkan peranan ahli sebagai legislator, kita boleh menyumbang ke arah ini.

Kita juga mohon supaya keahlian daripada jawatankuasa-jawatankuasa pilihan yang ada, kita lihat sekarang ini selain daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Account Committee), jawatankuasa-jawatankuasa yang lain, yang terlibat tentang hak, tentang kebebasan Dewan dan juga peraturan-peraturan mesyuarat juga hendaklah melibatkan ahli lagi banyak dalam jawatankuasa-jawatankuasa tersebut supaya ahli dapat menyumbang bagaimana Dewan ini akan melakukan aturan mesyuaratnya sendiri.

Saya juga cadangkan umpamanya Dewan ataupun Parlimen inilah badan yang paling sesuai untuk kita wujudkan satu lagi Jawatankuasa Pilihan (Standing Committee) yang tetap, yang mungkin kita boleh panggil Jawatankuasa Aduan Awam yang mana kita membuka ruang kepada semua rakyat yang ada dalam negara ini untuk membuat aduan kepada satu jawatankuasa yang ada di dalam kuasa Parlimen ini. Kita boleh menyelesaikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakyat terus menerusi kuasa Parlimen supaya kita boleh uruskan penyelesaian ini dengan jentera kerajaan, dengan pegawai-pegawai kerajaan yang ada.

Kita boleh tubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas mengenai kalau tidak payah selari dengan kementerian-kementerian yang ada pun sekurang-kurangnya dalam bidang-bidang yang tertentu supaya kita boleh berbincang apa juga cadangan rang undang-undang yang dikeluarkan oleh pihak pentadbiran, kita boleh bincang. Maka dengan kita berbuat demikian, kita juga boleh menyumbang dengan lebih bermakna dalam proses penggubalan undang-undang dan apa-apa dasar yang kita laksanakan dalam Dewan ini.

Sesungguhnya saya rasakan bahawa jika kita serius tentang reformasi politik ini, kalau kita hendak memberi takrif yang baru kepada apakah dia politik dan juga proses politik, maka kita hendaklah menjaga tanggapan umum tentang institusi-institusi politik itu sendiri. Misalnya meminta supaya perhubungan di antara kabinet, Dewan ini dan juga ahli-ahli hendaklah diperbaiki misalnya kita hendak supaya tempoh di antara Bacaan Kali Pertama dan Bacaan Kali Kedua rang undang-undang hendaklah dipanjangkan, tidaklah boleh misalnya Bacaan Kali Pertama dibuat pada hari ini dan Bacaan Kali Kedua dibuat pada hari esoknya, jadi berilah kita ruang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat masa sudah cukup ya!

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berilah kita ruang supaya bukan sahaja memelihara apa yang saya kehendaki. Saya katakan perkara ini kerana kita hendakkan supaya umum melihat institusi ini sebagai satu institusi yang bermakna, satu institusi yang dihormati oleh rakyat dan dikira sebagai yang penting bagi mereka. Jadi, sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Diminta jawab.

6.39 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang memberikan pandangan dan cadangan bagi mereformasikan perjalanan Dewan Rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah sewajarnya dari masa ke semasa dalam usaha memperkukuhkan lagi kedudukan serta melicinkan pentadbiran Parlimen.

Mengenai cadangan supaya keahlian kesemua jawatankuasa pilihan disemak semula bagi membolehkan peranan ahli Dewan di dalam menentukan hal-hal berkaitan dengan urusan Dewan lebih meluas, kerajaan sentiasa menyemak kesesuaian ahli-ahli Dewan yang menganggotai jawatankuasa pilihan ini dari masa ke semasa terutama dari aspek pengalaman dan pengetahuan seseorang ahli Dewan itu bagi menentukan keberkesanan peranan jawatankuasa yang dianggotainya. Walaupun begitu pandangan Ahli Yang Berhormat akan diambil kira dalam melantik ahli jawatankuasa pilihan ini di masa-masa hadapan.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat supaya ahli-ahli pentadbiran tidak menganggotai jawatankuasa pilihan ini, suka saya maklumkan bahawa keanggotaan jawatankuasa pilihan ini adalah terbuka kepada semua ahli Dewan. Di samping itu mengikut Peraturan 77(4), menyatakan bahawa "seseorang ahli yang dilantik menjadi seorang menteri tidak boleh diangkat atau dilantik menanggung atau memangku jawatan pengerusi atau menjadi ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara" sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pandangan Yang Berhormat mengenai peranan ahli Dewan dalam penggubalan rang undang-undang diperluaskan dan seterusnya mencadangkan supaya Peraturan Mesyuarat dikaji semula. Suka saya menyatakan di sini bahawa mengikut amalan yang dipakai, rang undang-undang kerajaan digubal oleh Peguam Negara dan dibawa oleh menteri yang berkenaan ke Dewan ini untuk dibahas dan diluluskan sebagai satu peringkat dalam proses meluluskan undang-undang. Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen tidak dihalang oleh Peraturan Mesyuarat untuk mengambil bahagian cergas dalam perbahasan sesuatu rang undang-undang yang dibentangkan.

Seseorang ahli Parlimen boleh membahaskan prinsip dan dasar-dasar am sesuatu rang undang-undang itu di peringkat Bacaan Kali Kedua dan perbahasan khusus ke atas setiap fasal ketika rang undang-undang itu dibincangkan dalam peringkat jawatankuasa.

Peraturan Mesyuarat 49 dan 50 membenarkan rang undang-undang bukan kerajaan dikemukakan untuk dibahas dan diluluskan oleh Dewan ini, seperti rang undang-undang persendirian, rang undang-undang campuran dan rang undang-undang ahli-ahli bukan kerajaan. Terpulanglah kepada ahli-ahli Parlimen untuk menggunakan peluang-peluang yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan ini. Ahli-ahli Parlimen boleh mencadangkan suatu perubahan meminda, menambah atau memotong suatu peruntukan dalam rang undang-undang, malah ahli-ahli boleh mencadangkan sesuatu rang undang-undang itu dihantar kepada Jawatankuasa Pilihan Khas terpulang kepada suara ramai sama ada menerima atau sebaliknya.

Peraturan Mesyuarat 90 juga memberi peluang kepada ahli-ahli Dewan untuk mengemukakan usul atau rayuan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menghentikan kuatkuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Peluang bagi ahli-ahli mengemukakan pandangan mereka dalam Dewan ini adalah banyak. Peraturan Mesyuarat memperuntukkan masa Soal-Jawab bagi membolehkan ahli-ahli bertanyakan mana-mana Menteri Kabinet mengenai pelaksanaan dasar kerajaan termasuk masalah-masalah yang dihadapi oleh kementerian berkenaan. Ahli-ahli boleh mengemukakan usul-usul, ucapan penangguhan, bercakap mengenai dasar-dasar kerajaan ketika membahas Titah Ucapan Di-Raja. Perbahasan ke atas Anggaran Belanjawan yang dibentangkan, Rancangan Pembangunan Negara dan berbagai-bagai lagi.

Mengenai cadangan supaya Peraturan-peraturan Mesyuarat dikaji semula untuk meliberalisasikan perjalanan mesyuarat, saya suka memaklumkan kerajaan berpendapat Peraturan-peraturan Mesyuarat yang ada dan digunakan sekarang adalah liberal dan memberi peluang sama rata kepada ahli-ahli untuk mengemukakan buah fikiran masing-masing. Ahli-ahli boleh memainkan peranan sebagai ahli Parlimen, sebagai legislator dengan efektif berdasarkan peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kerajaan adalah sentiasa peka terhadap keperluan mengadakan perubahan kepada sistem dan Peraturan Mesyuarat dan akan mengemukakan kepada Dewan mengikut keperluan dan masa. Kerajaan akan mengesyorkan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Khas tertentu apabila didapati sesuai dan diperlukan sebagaimana yang telah dilakukan pada masa yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, personel dan belanjawan bagi menyokong perjalanan mesyuarat disediakan berdasarkan format dan sistem yang sedang berjalan sekarang. Ianya akan dikaji dari masa ke semasa dan perubahan akan dibuat mengikut keperluan. Pada masa ini terdapat beberapa kekosongan dari segi personel disebabkan persaraan dan perletakan jawatan. Walaupun begitu usaha bersungguh-sungguh telah dan sedang dibuat untuk mengisi kekosongan tersebut.

Mengenai kemudahan fizikal, Jabatan Parlimen sedang berusaha mempertingkatkan secara berperingkat. Untuk makluman Yang Berhormat, Bangunan Parlimen ini sudah menjangkau usia 35 tahun, oleh itu tidak dinafikan ianya memerlukan pembaikan yang menyeluruh, di samping menambahkan kelengkapan-kelengkapan yang baru yang lebih cantik, canggih dan efisien lagi. Kerja-kerja bagi meningkatkan sistem audio dan pencahayaan dalam Dewan ini hampir selesai dilaksanakan.

System electronic voting sedang dipasang, tender bagi kerja-kerja pengubahsuaian perpustakaan dan penukaran perabot di bilik-bilik di blok menara yang dijangka dapat menambah keselesaan kepada pengguna-penggunanya sedang diuruskan.

Pelaksanaan sistem maklumat berkomputer di perpustakaan sedang dipergiatkan dan pengkomputeran Jabatan Parlimen dipertingkatkan.

Peningkatan beberapa bilik mesyuarat, kemudahan kantin dan kerja-kerja membaiki kebocoran di blok utama bangunan sudah pun disiapkan. Insya-Allah, Jabatan Parlimen akan memohon peruntukan dari masa ke semasa bagi menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih canggih dan seterusnya akan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Banjir Di Pekan Salak Selatan Dan Batu 4 1/2 Jalan Kelang Lama

6.46 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, banjir yang melanda Jalan Kelang Lama akibat limpahan Sungai Kerayong menyebabkan mereka mengalami kerugian harta benda, memusnah rumah kediaman dan kebimbangan masa depan. Sama ada banjir ini boleh dikategorikan kepada takdir atau kecuaiannya manusia adalah tidak penting. Tetapi yang lebih penting untuk difikirkan ialah langkah-langkah positif bagi mengatasi mala petaka yang dihadapi oleh rakyat jelata. Adakah kerajaan telah berpuas hati dan gembira apabila rumah penduduk-penduduk di sepanjang tebing Sungai Kerayong dihanyutkan semasa banjir? Adakah kerajaan berasa wajar penduduk-penduduk tersebut mengalami kerugian harta benda dan kerosakan perkakas rumah apabila lumpur melimpah ke dalam rumah mereka? Adakah kerajaan mahu mereka sentiasa bimbang dan melihat masa hadapan yang gelap selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Persidangan Datuk Bandar Selatan-Selatan 1997 di Pusat Dagangan Dunia Putra yang dilaporkan oleh media massa pada 4 Julai 1997 semua digambarkan mengenai Kuala Lumpur adalah indah sahaja. Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam perutusannya menyatakan "Kita sekarang berada dalam era di mana perubahan technological dan biotechnological memberi kesan mendalam kepada kehidupan kita. Bersama percanggihan teknologi maklumat, maka cara kita bekerja dan hidup juga akan berubah selain mempengaruhi nilai masyarakat."

Apakah cara bekerja yang diubah kalau setelah beberapa kali Datuk Bandar Kuala Lumpur bertukar ganti, maka masalah banjir kilat yang melanda Kuala Lumpur masih tidak berubah. Apakah kita merasa bangga dengan pujian-pujian negara rantau dan wakil Program Alam Sekitar, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Dr. Sovit Yokmani bahawa konsep pembangunan Kuala Lumpur perlu dicontohi pentadbir banda raya lain di Selatan. Berdasarkan laporan di atas kertas tidak sama dengan apa yang dialami oleh penduduk-penduduk di Jalan Kelang Lama dan Pekan Salak Selatan apabila banjir melanda dengan tidak ada belas kasihan. Ketika kita menerima pujian Dr. Sovit terhadap keindahan, Kuala Lumpur akan hanyut bersama arus Sungai Kerayong.

Tuan Yang di-Pertua, kesan sampingan daripada pembangunan adalah menyumbangkan kepada berlakunya banjir kilat di Kuala Lumpur kalau Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Lau Heing Ding mengakui dalam mesyuarat menteri dan Exco Alam Sekitar Kerajaan Negeri ke-14 pada 3 Julai 1997 bahawa projek menambakkan laut secara besar-besaran boleh mendatangkan impak serius dan nyata seperti hakisan pantai, sosio-ekonomi penduduk dan penurunan kualiti air laut. Maka pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur memberi kesan sampingan seperti banjir kilat, kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara.

Oleh itu, DBKL sepatutnya mempamerkan pelan induk pembangunan Kuala Lumpur dalam tempoh 5 tahun supaya orang ramai boleh berkongsi pandangan dan pendapat dengan DBKL. Mereka juga sepatutnya dipelawa memberikan idea dalam pembangunan Kuala Lumpur. Banjir di Pekan Salak Selatan misalnya boleh diandaikan berpunca daripada projek pembinaan laluan LRT, iaitu projek pembangunan raksasa di Kuala Lumpur juga. Dalam tempoh pembinaan laluan LRT itu, maka selama itu penduduk-penduduk sentiasa diganggu banjir. Siapakah yang akan membayar segala kerugian penduduk-penduduk, peniaga-peniaga dan premis, pejabat disebabkan banjir. Kita mahu pembangunan dan rakyat juga perlukan pengorbanan untuk pembangunan, tetapi kita tidak mahu rakyat dikorbankan kerana pembangunan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya minta kerajaan memberikan jawapan tegas bila masalah banjir di Pekan Salak Selatan dan Jalan Kelang Lama dapat diatasi. Untuk tempoh berapa lama lagi penduduk-penduduk di sini terpaksa bergelut dengan masalah banjir melanda rumah kediaman dan premis perniagaan mereka. Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirangka oleh DBKL bagi mengatasi banjir dapat dikawal? Buat pertama kali Barisan Nasional memperuntukkan kuorum ini supaya Ucapan Penangguhan dapat dijalankan dengan licin patut dipujikan. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila jawab.

6.54 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh mengenai apa yang telah dikemukakan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, iaitu:

- (a) Kerajaan memang sedar mengenai masalah banjir di Pekan Salak Selatan dan beberapa langkah jangka pendek telah diambil untuk mengurangkan masalah ini. Langkah-langkah yang lebih berkesan tidak dapat dilaksanakan pada masa ini disebabkan masalah setingan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, dengan penempatan semula setingan pada tahun 1998 iaitu tahun depan, insya-Allah, adalah diharapkan langkah-langkah jangka panjang dapat dilaksanakan di kawasan berkenaan.

Kejadian banjir di kawasan Batu 4 1/2, Jalan Kelang Lama pula adalah berpunca daripada air limpahan Sungai Kerayong dan Sungai Kelang semasa hujan lebat. Kerja-kerja membaiki Sungai Kerayong yang sedang dilaksanakan telah dapat mengurangkan kekerapan kejadian banjir. Adalah dijangkakan bahawa masalah ini akan dapat diatasi setelah kerja-kerja memperbaiki Sungai Kerayong dan bahagian hilir Sungai Kelang siap kelak.

- (b) Bagi memastikan Bandaraya Kuala Lumpur bebas dari banjir yang juga menyebabkan kesesakan lalu lintas menjelang dan semasa Sukan Komanwel ke-16, kerajaan telah menubuh satu Jawatankuasa Bertindak Khas untuk mengenal pasti kawasan-kawasan banjir dan mengawal kejadiannya dari terus berlaku. Jawatankuasa ini yang dianggotai oleh Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, SUKOM dan Polis Diraja Malaysia diterajui oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan.
- (c) Kerajaan memang prihatin terhadap kesulitan dan kerugian yang dialami oleh penduduk-penduduk akibat banjir dan memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk mengawal masalah ini. Oleh itu, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM365 juta telah disediakan bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir di Lembah Kelang termasuk Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi, kita sama-sama doakan semoga rancangan yang sedang diatur oleh kerajaan akan dapat diatasi, dan saya juga memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat sama-sama menasihati setingan-setingan supaya dapat berundur dan berpindah di tempat yang disediakan nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.57 petang.